# Contents
*Kandungan*


| | |
|---|---|
| Board of Directors | 2 |
| *Lembaga Pengarah* | *2* |
| Corporate Information | 3 |
| *Maklumat Korporat* | *3* |
| Board of Directors' Profile | 4 |
| *Profil Lembaga Pengarah* | *5* |
| Corporate Governance Statement | 8 |
| *Penyata Tadbir Urus Korporat* | *9* |
| Additional Compliance Information | 16 |
| *Maklumat Pematuhan Tambahan* | *17* |
| Audit Committee Report | 20 |
| *Laporan Jawatankuasa Audit* | *21* |
| Statement on Internal Control | 28 |
| *Penyata Kawalan Dalaman* | *29* |
| Chairman's Statement | 32 |
| *Penyata Pengerusi* | *32* |
| Review of Operations | 40 |
| *Tinjauan Operasi* | *40* |
| Financial Statements | 57 |
| *Penyata Kewangan* | *99* |
| Analysis of Shareholdings | 89 |
| *Analisa Pemegang Saham* | *132* |
| Analysis of Warrant Holdings | 92 |
| *Analisa Pemegang Waran* | *135* |
| List of Properties Held | 94 |
| *Senarai Hartanah Dimiliki* | *137* |
| Notice of Annual General Meeting | 95 |
| *Notis Mesyuarat Agung Tahunan* | *138* |
| Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting | 97 |
| *Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan* | *140* |
| Form of Proxy | |
| *Borang Proksi* | |

# Board of Directors
# *Lembaga Pengarah*



**YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman**
Group Executive Chairman
*Pengerusi Eksekutif Kumpulan*
PJN, BMS, JP



**YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani**
Group Managing Director
*Pengarah Urusan Kumpulan*
DSIS



**YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil**
DSDK, SDK



**YBhg Dato' Haji Karim bin Marzuki**
DSSA, AMN



**YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid**
PKT, DJN, DIMP

# Corporate Information
# *Maklumat Korporat*

**BOARD OF DIRECTORS**
***LEMBAGA PENGARAH***

YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman
Group Executive Chairman
Pengerusi Eksekutif Kumpulan
PJN, BMS, JP

YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani
Group Managing Director
Pengarah Urusan Kumpulan
DSIS

YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil
DSDK, SDK

YBhg Dato' Haji Karim bin Marzuki
DSSA, AMN

YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid
PKT, DJN, DIMP

**SYARIAH ADVISORY COUNCIL**
***MAJLIS PENASIHAT SYARIAH***

YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman
YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani
Tan Sri Dato' Abdul Kader bin Talip
YBhg Dato' Haji Md Hashim bin Yahaya
YBhg Dato' Dr Abdul Monir bin Yaakob
YBhg Dato' Abd Shukor bin Haji Husin
YBhg Datuk Haji Hassan bin Haji Ahmad
YBhg Dato' Haji Abdul Majid bin Omar
Tuan Haji Omar @ Wan Mat bin Wan Teh
Encik Azami bin Mustapha
Tuan Haji Mohammad bin Haji Shafie

**AUDIT COMMITTEE**
***JAWATANKUASA AUDIT***

YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid*
Chairman
Pengerusi

YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani
Member
Ahli

YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil*
Member
Ahli

* Independent Non-Executive Directors
** Pengarah-pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

**GROUP COMPANY SECRETARY**
***SETIAUSAHA KUMPULAN SYARIKAT***

En Ahmad Aznan bin Mohd Nawawi
LSOO 06940

**AUDITORS**
***JURUAUDIT***

Ernst & Young, Chartered Accountants
Level 23A Menara Milenium, Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur

**PRINCIPAL BANKERS**
***BANK-BANK UTAMA***

Bumiputra Commerce Bank Berhad
Citibank Berhad
HSBC Bank Malayisa Berhad
Malayan Banking Berhad
Southern Bank Berhad

**SOLICITORS**
***PEGUAMCARA***

Abdul Aziz, Ong & Co.
A. Zahari & Rakan-rakan
Iza Ng Yeoh & Kit
Lee Hishammuddin
Shook Lin & Bok

**REGISTERED OFFICE**
***PEJABAT BERDAFTAR***

Level 17 Wisma KFC
No. 17 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel ~ 603 2026 3388    Fax ~ 603 2072 8600

**REGISTRAR & TRANSFER OFFICE**
***PEJABAT PENDAFTAR & PEMINDAHAN***

Symphony Share Registrars Sdn Bhd
Level 26, Menara Multi Purpose
Capital Square
No 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel ~ 603 2721 2222    Fax ~ 603 2721 2530

**STOCK EXCHANGE LISTING**
***SENARAI BURSA SAHAM***

Bursa Malaysia Securities Berhad, Main Board

# Board of Directors' Profile

**YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman**
*Group Executive Chairman*

Aged 54, a Malaysian, was appointed as the Group Executive Chairman of QSR Brands Bhd on 20 December 2002. He is also the Group Executive Chairman of KFC Holdings (Malaysia) Bhd. Formerly a Director of Berjaya Industrial Bhd, Omega Holdings Berhad and Kejora Harta Bhd and an Executive Chairman of KPS Consortium Bhd, he has over twenty years of experience in the construction industry having held directorships in several private companies. YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman has been a Director of Islamic University College of Malaysia since 1 March 2001. He obtained his Diploma and Advanced Diploma in Marketing from Japan and United States of America respectively.

Save as disclosed in the Directors' Shareholding, YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman is not related to any Director and/or major shareholder of the Company and has no conflict of interest with the Company. He has had no convictions for offences within the past ten years.

YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman attended all three (3) of the Board Meetings of the Company held during the financial year ended 31 December 2004.

**YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani**
*Group Managing Director*

Aged 41, a Malaysian, was appointed as the Group Managing Director of QSR Brands Bhd on 20 December 2002. He is also the Group Managing Director of KFC Holdings (Malaysia) Bhd. Prior to this, he was the Executive Director of KFC Holdings (Malaysia) Bhd (with effect from 4 September 2001). He holds a Diploma in Accountancy from Institute Teknologi MARA, which he obtained in 1982 and is a Fellow of the Chartered Association of Certified Accountants in England. He started his career with an international accounting firm and has held senior positions in various listed and unlisted companies including that of Chief Executive of an insurance company. He is also the Group Managing Director of C.I. Holdings Berhad, a public listed company.

YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani is an Audit Committee Member of QSR Brands Bhd. Save as disclosed in the Directors' Shareholding, YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani is not related to any Director and/or major shareholder of the Company and has no conflict of interest with the Company. He has had no convictions for offences within the past ten years.

YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani attended all three (3) of the Board Meetings of the Company held during the financial year ended 31 December 2004.

**YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid**
*Independent*
*Non - Executive Director*

Aged 51, a Malaysian, was appointed to the Board of QSR Brands Bhd on 18 November 2003. He holds a Masters Degree in Business Administration (MBA), Marshall University West Virginia, U S A and Bachelor of Administration (BBA) from Monmouth College, Illinois, USA. Formerly an Assistant Manager of HSBC Bank Malaysia Bhd and Kepala Batas United Malays National Organisation ("UMNO") Youth Leader, he is currently the Vice Chairman of UMNO, Kepala Batas Division, the Chairman of PERDA (Penang Regional Development Authority) and the Chairman of Penang Public Account Committee (PAC).

YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid is the Chairman of the Audit Committee of QSR Brands Bhd. YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid is not related to any other Director and/or major shareholder of the Company and has no conflict of interest with the Company. He has had no convictions for offences within the past ten years.

YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid attended all three (3) of the Board Meetings of the Company held during the financial year ended 31 December 2004.

**YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman**
*Pengerusi Eksekutif Kumpulan*

*Berusia 54 tahun, rakyat Malaysia, telah dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan QSR Brands Bhd pada 20 Disember 2002. Beliau juga merupakan Pengerusi Eksekutif Kumpulan KFC Holdings (Malaysia) Bhd. Beliau yang merupakan bekas Pengarah Berjaya Industrial Bhd, Omega Holdings Berhad dan Kejora Harta Bhd dan Pengerusi Eksekutif KPS Consortium Bhd, mempunyai lebih dua puluh tahun pengalaman dalam industri pembinaan dengan menyandang jawatan pengarah di beberapa buah syarikat swasta. YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman menjadi Pengarah Kolej Universiti Islam Malaysia sejak 1 Mac 2001. Beliau memperolehi Diploma Pemasaran dari Jepun dan Diploma Lanjutan Pemasaran di Amerika Syarikat.*

*Selain daripada yang dibentangkan di dalam Pegangan Saham Pengarah, YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat dan tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.*

*YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman telah menghadiri kesemua tiga (3) mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.*

---

**YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani**
*Pengarah Urusan Kumpulan*

*Berusia 41 tahun, rakyat Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan QSR Brands Bhd pada 20 Disember 2002. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Kumpulan KFC Holdings (Malaysia) Bhd. Sebelum ini, beliau adalah Pengarah Eksekutif KFC Holdings (Malaysia) Bhd (berkuatkuasa dari 4 September 2001). Beliau berkelulusan Diploma dalam Perakaunan dari Institut Teknologi MARA, yang mana beliau perolehi pada tahun 1982 dan merupakan seorang Fellow Chartered Association of Certified Accountants di England. Beliau memulakan kerjaya dengan sebuah firma perakaunan antarabangsa dan menyandang jawatan kanan dalam pelbagai syarikat tersenarai dan tidak tersenarai termasuk Ketua Eksekutif sebuah syarikat insurans. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Kumpulan C.I. Holdings Berhad, sebuah syarikat senarai awam.*

*YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani adalah Ahli Jawatankuasa Audit QSR Brands Bhd. Selain daripada yang dibentangkan di dalam Pegangan Saham Pengarah, YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat dan tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.*

*YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani telah menghadiri kesemua tiga (3) mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.*

---

**YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid**
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

*Berusia 51 tahun, rakyat Malaysia, telah dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah QSR Brands Bhd pada 18 November 2003. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Pentadbiran dan Pentadbiran (MBA) Marshall University West Virginia, Amerika Syarikat dan Sarjana Muda Pentadbiran (BBA) dari Monmouth College, Illinois, Amerika Syarikat. Sebelum ini beliau merupakan Penolong Pengurus HSBC Bank Malaysia Bhd dan Ketua Pemuda UMNO Kepala Batas, kini beliau adalah Naib Pengerusi UMNO, Bahagian Kepala Batas, Pengerusi PERDA (Penang Regional Development Authority) dan Pengerusi Jawatankuasa Akauntan Pulau Pinang (PAC).*

*YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid adalah Pengerusi Jawatankuasa Audit QSR Brands Bhd. YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat dan tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun lepas.*

*YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid telah menghadiri kesemua tiga (3) mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.*

# Board of Directors' Profile
(contd.)

**YBhg Dato'**
**Haji Karim bin Marzuki**
*Independent*
*Non - Executive Director*

Aged 56, a Malaysian, was appointed to the Board of QSR Brands Bhd on 18 November 2003. He holds a Masters in Development Administration from Western Michigan University, USA. He was formally attached to and has held various positions in Kementerian Pertahanan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam and MAMPU (Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit). He was appointed as Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (II), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor prior to his current position as the Group General Manager of Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor.

YBhg Dato' Haji Karim bin Marzuki is not related to any other Director and/or major shareholder of the Company and has no conflict of interest with the Company. He has had no convictions for offences within the past ten (10) years.

YBhg Dato' Haji Karim bin Marzuki attended all three (3) Board Meetings of the Company held during the financial year ended 31 December 2004.

**YBhg Dato'**
**Dr Ridzuan bin Akil**
*Independent*
*Non - Executive Director*

Aged 64, a Malaysian, was appointed to the Board of QSR Brands Bhd on 25 February 2004. He holds a Bachelor of Commerce degree from the University of Birmingham (obtained in 1964), a Master of Economics degree from Universiti Malaya (obtained in 1967), and a Doctor of Philosophy degree (Ph.D) in Development Economics from the University of Hull (obtained in 1972) where he was also a Fellow in Southeast Asian Studies. Since 1973, he has been the Managing Director of RMA-Perunding Bersatu Sdn Bhd, a company involved in planning, management and economic research. He has undertaken numerous projects in Malaysia and overseas. He has undertaken assignments for the State and Federal Government of Malaysia, World Bank, Asian Development Bank, United Nations Development Organisation and various public companies. He has served as the Project Director and Chief Economist for their various projects in Malaysia, Indonesia and Brunei. He has completed an extensive study on the impact of Asean Free Trade Area (AFTA) on the poultry industry in the major Asean countries on behalf of the Government of Malaysia. His other business interests are motor trade and property development.

YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil is an Audit Committee Member of QSR Brands Bhd. He is not related to any other Director and/or major shareholder of the Company and has no conflict of interest with the Company. He has had no convictions for offences within the past ten (10) years.

YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil attended all three (3) Board Meetings of the Company held during the financial year ended 31 December 2004.

**YBhg Dato' Haji Karim bin Marzuki**
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

*Berusia 56 tahun, rakyat Malaysia, telah dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah QSR Brands Bhd pada 18 November 2003. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Pembangunan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat. Sebelum ini beliau pernah berkhidmat dan menyandang pelbagai jawatan di Kementerian Pertahanan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam dan MAMPU (Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit). Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (II), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebelum menyandang jawatan sekarang iaitu sebagai Pengurus Besar Kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor.*

*YBhg Dato' Haji Karim bin Marzuki tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat dan tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas.*

*YBhg Dato' Haji Karim bin Marzuki telah menghadiri kesemua tiga (3) mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.*

---

**YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil**
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

*Berusia 64 tahun, rakyat Malaysia, telah dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah QSR Brands Bhd pada 25 Februari 2004. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Birmingham (diperolehi pada tahun 1964), Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Malaya (diperolehi pada tahun 1967), dan Doktor Falsafah (Ph.D) dan Ekonomi Pembangunan dari University of Hull (diperolehi pada tahun 1972) di mana beliau merupakan Fellow dalam Kajian Asia Tenggara. Sejak 1973, beliau merupakan Pengarah Urusan RMA-Perunding Bersatu Sdn Bhd, sebuah syarikat yang terlibat dalam perancangan, pengurusan dan penyelidikan ekonomi. Beliau telah mengendalikan pelbagai tugasan untuk Kerajaan Negeri dan Persekutuan Malaysia, Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Pertubuhan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pelbagai syarikat awam. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Projek dan Ketua Ekonomi bagi projek-projek di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Beliau juga telah menyelesaikan kajian menyeluruh tentang kesan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) bagi industri ayam di negara-negara ASEAN bagi pihak Kerajaan Malaysia. Kecenderungan perniagaan beliau yang lain adalah dalam bidang perniagaan kenderaan dan pembangunan hartanah.*

*YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil ialah Ahli Jawatankuasa Audit QSR Brands Bhd. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat dan tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas.*

*YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil telah menghadiri kesemua tiga (3) mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.*

# Corporate Governance Statement

## 1 INTRODUCTION

The Board of Directors (the "Board") of the Company recognizes that the practice of good corporate governance in conducting the business and affairs of the Group with integrity, transparency and professionalism are key components for the Group's continued growth and success. These will not only safeguard and enhance shareholders value but will at the same time ensure that the interests of other stakeholders are protected. The Board is pleased to disclose that the Company has adopted the Company Disclosure Policies and Procedures as recommended by the Task Force on Corporate Disclosure Best Practices.

The Company has complied with the Best Practices in Corporate Governance embodied in Part 2 of the Malaysian Code on Corporate Governance (the "Code") and the statement below narrates how the Company has throughout the financial year ended 31 December 2004 applied the principles set out in Part 1 of the Code.

## 2 COMPOSITION OF THE BOARD OF DIRECTORS

The Board comprises of experienced members with a wide range of experties. The Board is primarily responsible for charting the strategic direction of the Group. The Board meets at least four (4) times a year with additional meetings convened as and when necessary.

The Board currently has 5 members comprising the Group Executive Chairman, Group Managing Director and 3 Independent Non-Executive Directors. The Company is in compliance with the Bursa Securities Listing Requirements which require at least two directors or one-third of the total number of Directors, whichever is higher, to be Independent Directors. The Board retains full and effective control of the Company. Executive Directors have direct responsibilities for business operations whilst non-executive directors have the necessary skill and experience to bring independent judgments to bear on the issues relating to strategy, performance and resources. Key matters, such as approval of annual and interim results, acquisitions and disposals, material agreements, major capital expenditures, budgets and long term plans would require Board approval.

To ensure that there is balance of power and authority, the roles of the Group Executive Chairman and the Group Managing Director are separated and clearly defined. The Group Executive Chairman is primarily responsible for the orderly conduct and effectiveness of the Board whilst the Group Managing Director is responsible for the operating units, organizational effectiveness and implementation of Board policies and decisions.

In accordance with the requirements of the Code, YB Dato' Hilmi Haji Abdul Rashid as the Chairman of the Audit Committee has been appointed as the senior Independent Non-Executive Director to deal with issues regarding the Company where the same could not be appropriately dealt with by the Company.

## 1 PENGENALAN

*Lembaga Pengarah ("Lembaga") Syarikat mengakui bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik dalam menjalankan perniagaan dan hal ehwal Kumpulan dengan integriti, telus dan profesionalisme merupakan komponen penting untuk membolehkan Kumpulan mencapai pertumbuhan dan kejayaan berterusan. Ini bukan sahaja akan melindungi dan mempertingkatkan nilai pemegang saham malah pada masa yang sama akan memastikan bahawa keperluan pemegang kepentingan lain turut dilindungi. Lembaga dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Syarikat telah menerima pakai Dasar Pendedahan dan Prosidur Syarikat seperti yang disyorkan oleh Pasukan Petugas berhubung Amalan Terbaik Pendedahan Korporat.*

*Syarikat telah mematuhi Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat yang terkandung dalam Bahagian 2 Kod mengenai Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") dan penyata di bawah menjelaskan dengan terperinci bagaimana Syarikat telah menggunakan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Kod tersebut sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.*

## 2 KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

*Lembaga diterajui oleh ahli-ahli berpengalaman yang juga merupakan pakar di dalam pelbagai kemahiran. Lembaga bertanggungjawab terutamanya terhadap usaha merancang hala tuju strategik Kumpulan. Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu.*

*Buat masa ini, Lembaga mempunyai 5 orang ahli yang terdiri daripada Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Pengarah Urusan Kumpulan dan 3 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Syarikat mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia yang memerlukan sekurang-kurangnya dua orang pengarah atau satu pertiga daripada jumlah Pengarah adalah Pengarah Bebas, yang mana lebih tinggi. Lembaga mengekalkan kawalan penuh dan ekfektif ke atas Syarikat. Para Pengarah Eksekutif mempunyai tanggungjawab langsung terhadap operasi perniagaan sementara pengarah bukan eksekutif mempunyai kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk membawa pertimbangan bebas bagi mengendalikan isu-isu berkaitan strategi, prestasi dan sumber. Perkara-perkara utama seperti kelulusan keputusan tahunan dan interim, pengambilalihan dan penjualan, perjanjian penting, perbelanjaan modal yang besar, belanjawan dan rancangan jangka panjang akan memerlukan kelulusan Lembaga.*

*Peranan Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Urusan Kumpulan diasingkan dan ditakrif dengan jelas bagi memastikan wujud keseimbangan kuasa dan autoriti. Pengerusi Eksekutif Kumpulan bertanggungjawab terutamanya terhadap pengendalian perjalanan dan keberkesanan Lembaga sementara Pengarah Urusan Kumpulan pula bertanggungjawab terhadap unit-unit operasi, keberkesanan organisasi dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang telah diluluskan oleh Lembaga.*

*Menurut keperluan Kod, YB Dato' Hilmi Haji Abdul Rashid sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kanan untuk mengendalikan isu-isu berkaitan dengan Syarikat jika perkara tersebut tidak boleh diuruskan dengan sewajarnya oleh Syarikat.*

**3 SUPPLY OF INFORMATION**

Operations Meetings are held once a month during which the Group Managing Director will be briefed by management on all operational aspects of the Group. During the meetings, the Group Managing Director will be furnished with information on the progress of the operating units i.e. activities, performance, planned projects and problems arising so as to enable the former to participate in problem solving and decision-making process.

Board Meetings are scheduled 4 times a year and additional meetings are held as and when required. The total number of Board Meetings held during the financial year was 3. The Directors are provided with adequate Board Papers together with the agenda and minutes of the previous meeting on a timely manner prior to the Board Meeting so as to give the Directors time to deliberate on the issues to be raised at the meeting.

Directors have access to information within the Company and to the advice and services of the Group Company Secretary. The Directors may also obtain independent professional advice, in furtherance of their duties.

**4 APPOINTMENT AND RE-ELECTION OF DIRECTORS**

The appointment of Directors is the responsibility of the Board. The Board is in the process of forming a Nomination Committee and Remuneration Committee i.e. formulating the terms of reference of the Nomination Committee and Remuneration Committee as well as identifying the composition of the Committee Members in compliance with the Code.

In accordance with the Company's Articles of Association, one-third of the Directors shall retire at each Annual General Meeting and the retiring directors are eligible for re-election. Any Directors appointed during the year are subject to retirement and re-election at the next Annual General Meeting following their appointments. Directors over seventy years of age are required to submit themselves for re-appointment annually in accordance with Section 129(6) of the Companies Act, 1965.

Newly appointed Directors are furnished with the necessary information to enable them to carry out their duties, which includes, inter-alia, information on the Group, the Board's role, powers delegated to various committees and financial information. This is supplemented by visits to key locations and meetings with key senior executives.

All Board members have attended and completed the Mandatory Accrediation Programme as required by the Bursa Malaysia Securities Berhad. Directors are encouraged to attend seminars and/or conferences organized by relevant authorities and professional bodies to keep abreast with development in the market place.

**5 DIRECTORS' REMUNERATION**

The remuneration framework for executive directors has an underlying objective of attracting and retaining directors needed to run the Company successfully. Remuneration packages of executive directors are structured to commensurate with corporate and individual's performance. The Non-Executive Directors are remunerated based on fixed annual fees approved by the shareholders of the Company.

**3 BEKALAN MAKLUMAT**

*Mesyuarat Operasi akan diadakan sekali sebulan di mana Pengarah Urusan Kumpulan akan diberi taklimat oleh pihak pengurusan mengenai semua aspek operasi Kumpulan. Semasa mesyuarat berkenaan, Pengarah Urusan Kumpulan akan diberi maklumat mengenai perkembangan unit-unit operasi iaitu aktiviti, prestasi, projek yang dirancang dan masalah yang timbul bagi membolehkan beliau berkongsi menyelesaikan masalah dan terlibat dalam proses membuat keputusan.*

*Mesyuarat Lembaga dijadual diadakan 4 kali setahun dan mesyuarat tambahan diadakan mengikut keperluan. Lembaga telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun kewangan lepas. Para Pengarah diberikan Kertas Lembaga yang sewajarnya dengan agenda dan minit mesyuarat sebelumnya pada masa yang tepat sebelum setiap Mesyuarat Lembaga bagi memberi masa kepada para Pengarah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan di mesyuarat.*

*Para Pengarah mempunyai akses kepada maklumat dalam Syarikat dan kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat Kumpulan. Dalam menjalankan tugas mereka, para Pengarah juga boleh mendapatkan nasihat profesional bebas.*

**4 PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA PARA PENGARAH**

*Pelantikan para Pengarah adalah menjadi tanggungjawab Lembaga. Lembaga sedang dalam proses untuk menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan iaitu untuk merumuskan terma rujukan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan serta mengenalpasti komposisi Ahli-Ahli Jawatankuasa menurut kehendak Kod tersebut.*

*Menurut Tataurusan Penubuhan Syarikat, satu per tiga daripada para Pengarah hendaklah bersara pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan pengarah yang bersara itu akan layak untuk dipilih semula. Mana-mana Pengarah yang dilantik pada tahun tertentu dikehendaki bersara dan dipilih semula pada Mesyuarat Agung Tahunan pada tahun berikutnya selepas pelantikan mereka. Para Pengarah yang berusia lebih tujuh puluh tahun dikehendaki menawarkan diri untuk pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965.*

*Para Pengarah yang baru dilantik akan dilengkapi dengan maklumat yang disewajarnya untuk membolehkan mereka menjalankan tugas mereka yang antara lain termasuk, maklumat mengenai Kumpulan, peranan Lembaga, kuasa yang diberi kepada pelbagai jawatankuasa dan maklumat kewangan. Ini ditambah dengan lawatan ke lokasi utama dan mesyuarat dengan eksekutif kanan utama.*

*Semua ahli Lembaga telah menghadiri dan menyelesaikan Program Akreditasi Mandatori seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad. Para Pengarah digalakkan untuk menghadiri seminar dan/atau persidangan yang dianjurkan oleh pihak-pihak berkenaan dan badan profesional berkaitan untuk mengikuti perkembangan terkini dalam pasaran.*

**5 IMBUHAN PENGARAH**

*Rangka kerja imbuhan bagi pengarah eksekutif mempunyai objektif asas untuk menarik dan mengekalkan para pengarah yang diperlukan untuk mengendalikan Syarikat dengan berjaya. Pakej imbuhan pengarah eksekutif disusun supaya selaras dengan prestasi korporat dan individu. Para Pengarah Bukan Eksekutif diberi imbuhan berasaskan yuran tahunan tetap yang telah diluluskan oleh para pemegang saham Syarikat.*

The details on the remuneration of the directors are as follows:

| | Executive Directors RM'000 | Non-Executive Directors RM'000 | Total RM'000 |
|---|---|---|---|
| Fees | 203 | 60 | 263 |
| Salaries & other emoluments | 876 | – | 876 |
| Bonus | 320 | – | 320 |
| Total | 1,399 | 60 | 1,459 |

| Range (RM) | Executive Directors | Non-Executive Directors | Total |
|---|---|---|---|
| Up to 50,000 | – | 3 | 3 |
| 650,001 – 700,000 | 2 | – | 2 |

The above disclosure is in compliance with the Listing Requirements of Bursa Securities. Nevertheless, it represents a departure from the Principles of Corporate Governance of the Code which prescribes individual disclosure of directors' remuneration packages.

The Board is of the view that the transparency and accountability aspects of corporate governance in respect of the Director's Remuneration are appropriately served by the "band disclosure" presented.

## 6 SHAREHOLDER RELATIONSHIP

The Group recognizes the importance of keeping shareholders and investors informed of the Group's business and corporate developments. Such information is disseminated via annual reports, quarterly financial results, circulars to shareholders and the various announcements released from time to time.

The management holds discussions and dialogues with analysts and investors on a regular basis. During the discussions and dialogues, presentations based on permissible disclosures are made to the analysts and investors to provide details on the Group i.e. financial performance, any major developments and future plans. Apart from the mandatory requirement to make public announcements via the Bursa Securities, the Group also disseminates information through press releases on corporate events, product launches and any significant developments of the Group.

In addition to the above, the Group has an interactive web-site available at http:www.qsrbrands.com.my to communicate with investors and the investing public. The web-site is being used as a forum to answer inquiries and provide information on the activities of the Group.

The Annual General Meeting is the principal forum for dialogue and interaction with the shareholders of the Company. Besides the usual agenda of the Annual General Meeting, the Board presents the progress and performance of the business. Thereafter, the shareholders are presented with the opportunity to participate in question and answer sessions with the Directors.

*Butir-butir terperinci mengenai imbuhan para pengarah adalah seperti berikut:*

| | Pengarah Eksekutif RM'000 | Pengarah Bukan Eksekutif RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|
| Yuran | 203 | 60 | 263 |
| Gaji & emolumen lain | 876 | – | 876 |
| Bonus | 320 | – | 320 |
| Jumlah | 1,399 | 60 | 1,459 |

| Julat (RM)` | Pengarah Eksekutif | Pengarah Bukan Eksekutif | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Sehingga 50,000 | – | 3 | 3 |
| 650,001 – 700,000 | 2 | – | 2 |

*Pendedahan di atas adalah mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. Walau bagaimanapun, ia menyimpang daripada Prinsip Tadbir Urus Korporat yang menetapkan pendedahan individu bagi pakej imbuhan pengarah.*

*Lembaga berpendapat bahawa aspek ketelusan dan akauntabiliti tadbir urus korporat berhubung Imbuhan Pengarah telah dipatuhi dengan sewajarnya melalui "pendedahan mengikut kumpulan" yang dibentangkan.*

## 6 HUBUNGAN PEMEGANG SAHAM

*Kumpulan mengakui kepentingan untuk sentiasa memaklumkan para pemegang saham dan pelabur tentang perniagaan dan perkembangan korporat Kumpulan. Maklumat tersebut disebarkan melalui laporan tahunan, keputusan kewangan suku tahun, pekeliling kepada para pemegang saham dan pelbagai pengumuman yang disiarkan dari semasa ke semasa.*

*Pihak pengurusan sering mengadakan perbincangan dan dialog dengan penganalisis dan pelabur. Semasa perbincangan dan dialog, pembentangan berdasarkan pendedahan yang dibenarkan dibuat kepada para penganalisis dan pelabur bagi memberi maklumat terperinci mengenai Kumpulan iaitu prestasi kewangan, sebarang perkembangan penting dan rancangan masa hadapan. Selain daripada keperluan mandatori untuk membuat pengumuman awam melalui Bursa Securities, Kumpulan juga menyebarkan maklumat melalui siaran akhbar mengenai acara korporat, pelancaran produk dan sebarang perkembangan besar Kumpulan.*

*Selain di atas, Kumpulan turut menyediakan laman web interaktif di http:www.qsrbrands.com.my untuk berkomunikasi dengan para pelabur dan komuniti pelaburan. Laman tersebut digunakan sebagai forum untuk menjawab sebarang pertanyaan dan menyediakan maklumat mengenai aktiviti Kumpulan.*

*Mesyuarat Agung Tahunan merupakan forum terbesar bagi mengadakan dialog dan interaksi dengan para pemegang saham Syarikat. Selain daripada agenda biasa Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga membentangkan perkembangan dan prestasi perniagaan Kumpulan. Selepas itu, pemegang saham diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab dengan para Pengarah.*

## 7 ACCOUNTABILITY AND AUDIT

### Financial Reporting

In presenting the annual financial statements and quarterly announcements of results to the shareholders, the Board aims to present a balanced and understandable assessment of the Group's position and prospects. Before the financial statements were drawn up, the Directors have taken the necessary steps to ensure that the Group had used all the applicable accounting policies consistently, and that the policies are supported by reasonable and prudent judgement and estimates. The Audit Committee assists the Board in ensuring the accuracy, adequacy and completeness of the information to be disclosed. The Statement by Directors pursuant to Section 169 of the Companies Act 1965 is set out in page 61 of the Annual Report.

The quarterly reports, prior to tabling to the Board of Directors for approval, will be reviewed and approved by the Audit Committee.

### Internal Control

The Group's Statement on Internal Control is set out on page 28 of this Annual Report.

### Relationship with the Auditors

The Board via the establishment of an Audit Committee, maintains a formal and transparent relationship with the Company's auditors. The external auditors meet and report their findings to the Audit Committee pursuant to their audit for each financial year.

The Group's internal audit department, reporting to the Audit Committee performs regular reviews of business processes to assess the effectiveness of internal controls and highlight significant risks impacting the Group. The Audit Committee conducts annual reviews on the adequacy of the internal audit department's scope of work and resources.

The Report of the Audit Committee is set out in page 20 of the Annual Report.

## 8 STATEMENT OF DIRECTORS' RESPONSIBILITIES IN RESPECT OF THE AUDITED FINANCIAL STATEMENTS

The provisions of the Companies Act, 1965 requires the directors to be responsible in preparing the financial statements for each financial year which gives a true and fair view of the state of affairs of the Group and the Company at the end of the financial year and of their results and cash flows for the financial year then ended. In complying with these requirements, the directors are responsible for ensuring that proper accounting records are maintained and suitable accounting policies are adopted and applied consistently. In cases whereby judgement and estimates were required, the directors have ensures that these were made prudently and reasonably.

The Directors also ensured that all applicable accounting standards have been followed and confirmed that the financial statements have been prepared on a going concern basis.

In addition, the Directors are also responsible for safeguarding the assets of the Company by taking reasonable steps to prevent and detect fraud and other irregularities.

## 7 AKAUNTABILITI DAN AUDIT

### Laporan Kewangan

*Dalam membentangkan penyata kewangan dan pengumuman keputusan suku tahunan kepada para pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk membentangkan penilaian tentang kedudukan dan prospek Kumpulan yang seimbang dan mudah difahami. Sebelum penyata kewangan disediakan, para Pengarah telah mengambil pelbagai langkah yang perlu untuk memastikan supaya Kumpulan telah menggunakan semua dasar perakaunan diluluskan yang berkenaan secara seragam, dan dasar-dasar tersebut disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat. Jawatankuasa Audit membantu Lembaga memastikan bahawa ketepatan, kecukupan dan kesempurnaan maklumat akan dibentangkan. Penyata oleh Pengarah selaras dengan Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 dikemukakan di muka surat 104 Laporan Tahunan ini.*

*Sebelum laporan suku tahunan dibentangkan untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah, akan disemak dan diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Audit.*

### Kawalan Dalaman

*Penyata Kumpulan mengenai Kawalan Dalaman Kumpulan dikemukakan pada muka surat 29 Laporan Tahunan ini.*

### Hubungan dengan Juruaudit

*Lembaga melalui Jawatankuasa Audit, mengekalkan hubungan yang formal dan telus dengan juruaudit Syarikat. Juruaudit luar bermesyuarat dan melaporkan penemuan mereka kepada Jawatankuasa Audit selaras dengan audit mereka bagi setiap tahun kewangan.*

*Jabatan audit dalaman Kumpulan, yang membuat laporan kepada Jawatankuasa Audit menjalankan kajian secara kerap ke atas proses perniagaan bagi menilai keberkesanan kawalan dalaman dan mengemukakan risiko penting yang boleh memberi kesan kepada Kumpulan. Jawatankuasa Audit menjalankan kajian tahunan mengenai kecukupan skop kerja dan sumber jabatan audit dalaman.*

*Laporan Jawatankuasa Audit dikemukakan di muka surat 21 Laporan Tahunan ini.*

## 8 PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH BERHUBUNG PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT

*Peruntukan Akta Syarikat, 1965 menghendaki para pengarah bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan dan aliran tunainya bagi tahun yang berakhir. Bagi mematuhi keperluan ini, para pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rekod perakaunan yang sewajarnya disimpan dan dasar-dasar perakaunan yang sesuai diterima pakai dan digunakan secara seragam. Dalam hal-hal di mana pertimbangan dan anggaran diperlukan, para pengarah perlu memastikan bahawa ia dibuat dengan berhemat dan berpatutan.*

*Para Pengarah juga memastikan bahawa semua piawaian perakaunan yang berkenaan telah diikuti dan mengesahkan bahawa penyata kewangan ini disediakan menurut andaian perniagaan berterusan.*

*Selain itu, Pengarah juga bertanggungjawab untuk menjaga aset Syarikat dengan mengambil pelbagai langkah yang sewajarnya untuk mencegah dan mengesan penipuan dan keadaan lain yang tidak mematuhi peraturan.*

# Additional Compliance Information

## 1 NON-AUDIT FEES

The amount of non-audit fees paid and payable to the external auditors and their affiliated company by the Group for the financial year ended 31 December 2004 is as follows:

| | RM'000 |
|---|---|
| Ernst & Young | 279 |
| Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd | 15 |
| **Total** | **294** |

## 2 RECURRENT RELATED PARTY TRANSACTIONS OF REVENUE NATURE ("RRPT")

Details of transactions with related parties undertaken by the Group during the financial year are disclosed on page 85 of the financial statements.

## 3 MATERIAL CONTRACTS

Save as disclosed below, there were no material contracts entered by the Company or its subsidiaries involving directors and substantial shareholders interests since the previous financial year ended 31 December 2003 and in the financial year ended 31 December 2004:

i Conditional Share Sale Agreement dated 20 December 2002 between QSR and KFC Holdings (Malaysia) Bhd ("KFCH") in respect of the disposal by QSR and acquisition by KFCH of the entire equity interest in Ayamas Food Corporation Bhd for a cash consideration of RM260 million. The said agreement was completed on 1 April 2004;

ii Conditional Share Sale Agreement dated 20 December 2002 between QSR and C.I. Holdings Berhad ("CIH") in respect of the acquisition of the entire equity interest in C.I. Enterprise Sdn Bhd ("CIE") for a cash consideration of RM1 and the assumption by QSR of an amount due to CIH amounting to RM198 million. The said agreement was completed on 1 April 2004;

iii Conditional Share Sale Agreement dated 20 December 2002 between QSR and KFCH in respect of the acquisition of the entire equity interest in PH for a cash consideration of RM115 million; The said agreement was completed on 1 April 2004;

iv Letter of Agreement dated 27 November 2003 between QSR and CIH to, inter alia, vary the Share Sale Agreement dated 20 December 2002 in respect of the proposed acquisition of the entire equity interest in CIE for a cash consideration of RM1, from QSR replacing CIH as corporate guarantor in favour of Alliance Bank Malaysia Berhad for the amount of RM198 million, to the assumption by QSR of an amount due by CIE to CIH amounting to RM198 million;

v Extension letter dated 19 December 2003 between KFCH and QSR, wherein the cut-off date for the completion of the scheme is extended for a further period of 6 months commencing from 20 December 2003, in respect of items (i) and (iii) above; and

# Maklumat Pematuhan Tambahan

**1 YURAN BUKAN AUDIT**

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar dan perlu dibayar oleh Kumpulan kepada juruaudit luar dan syarikat bersekutu mereka bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah seperti berikut:

| | RM'000 |
|---|---|
| Ernst & Young | 279 |
| Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd | 15 |
| **Jumlah** | **294** |

**2 URUSNIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN YANG BERBENTUK HASIL ("RRPT")**

Keterangan mengenai urusniaga dengan pihak berkaitan yang dijalankan oleh Kumpulan pada tahun kewangan ini dinyatakan di muka surat 128 dalam penyata kewangan.

**3 KONTRAK PENTING**

Kecuali seperti yang dinyatakan di bawah, tidak terdapat kontrak penting yang dimeterai oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya yang melibatkan para pengarah dan para pengarah yang mempunyai kepentingan besar, sejak tahun kewangan sebelumnya berakhir 31 Disember 2003 dan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004:

i Perjanjian Penjualan Saham Bersyarat bertarikh 20 Disember 2002 antara QSR dan KFC Holdings (Malaysia) Bhd ("KFCH") penjualan oleh QSR dan pengambilalihan oleh KFCH keseluruhan kepentingan ekuiti dalam Ayamas Food Corporation Bhd dengan bayaran tunai sebanyak RM260 juta. Perjanjian ini telah diselesaikan pada 1 April 2004;

ii Perjanjian Penjualan Saham Bersyarat bertarikh 20 Disember 2002 antara QSR dan C.I. Holdings Berhad ("CIH") berhubung dengan pengambilalihan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam C.I. Enterprise Sdn Bhd ("CIE") dengan bayaran tunai sebanyak RM1 dan andaian oleh QSR satu jumlah dihutang kepada CIH berjumlah RM198 juta. Persetujuan ini disempurnakan pada 1 April 2004;

iii Perjanjian Penjualan Saham Bersyarat bertarikh 20 Disember 2002 antara QSR dan KFCH berhubung dengan pengambilalihan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam PH dengan bayaran tunai sebanyak RM115 juta; Persetujuan ini disempurnakan pada 1 April 2004;

iv Surat Perjanjian bertarikh 27 November 2003 antara QSR dan CIH untuk antara lain, mevariasi Perjanjian Penjualan Saham bertarikh 20 Disember 2002 berhubung dengan cadangan pengambilalihan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam CIE dengan bayaran tunai sebanyak RM1, daripada QSR, menggantikan CIH sebagai penjamin korporat atas nama Alliance Bank Malaysia Berhad bernilai RM198 juta, menurut andaian QSR satu jumlah dihutang oleh CIE kepada CIH berjumlah RM198 juta;

v Surat lanjutan bertarikh 19 Disember 2003 antara KFCH dan QSR, di mana tarikh akhir bagi penyelesaian skim tersebut dilanjutkan untuk tempoh 6 bulan lagi mulai dari 20 Disember 2003, berhubung dengan perkara (i) dan (iii) di atas; dan

vi Extension letter dated 19 December 2003 between CIH and QSR, wherein the cut-off date for the completion of the scheme is extended for a further period of 6 months commencing from 20 December 2003, in respect of item (ii) above.

## 4 DISCLOSURE OF THE RESTRICTIVE COVENANT CLAUSE IN THE INTERNATIONAL FRANCHISE AGREEMENTS ("IFA") GOVERNING THE PIZZA HUT FRANCHISE

The operation of the Pizza Hut restaurants are governed by, inter alia, the IFAs with the Franchisor (Yum! Restaurants Asia Pte Ltd), details of which are as set out below. Under the IFAs, each outlet has a tenure of ten (10) years commencing on the day of grant for each outlet set up and renewable at the end of the tenth (10th) year for another ten (10) years, provided that all the terms and conditions in the IFA are satisfactorily fulfilled.

The respective IFAs are as follows:

| **Agreement** | **Franchisee** | **Particulars** |
|---|---|---|
| IFA dated 17 February 2003 (in respect of Pizza Hut Malaysia) | Pizza Hut Restaurants Sdn Bhd | 122 outlets as at 31 December 2004 |
| IFA dated 1 June 2002 (in respect of Pizza Hut Singapore) | Pizza Hut Singapore Pte Ltd | 36 outlets as at 31 December 2004 |
| IFA dated 1 June 2002 (in respect of Multibrand Singapore) | KFC Management Pte Ltd and Pizza Hut Singapore Pte Ltd | 4 outlets as at 31 December 2004 |

The Restrictive Covenant Clause provides that the Franchisor may terminate the IFA by notice to the Franchisee effective upon receipt by the Franchisee of the notice, and/or adopt any of the remedies specified in the IFA, in the event the following occurs:

"...any direct or indirect acquisition by any person or entity acting in concert with others of more than fifteen (15%) of the voting shares of KFCH and/or QSR, whether by itself or with or through its affiliated companies or another person or entity or taken together with any previous transaction; and/or the ability of such person and persons acting in concert with him by virtue of their shareholding to amend any provisions of the Memorandum and Articles of Association of Franchisee and/or QSR or to have any ability to direct in the management or board of Franchisee and/or QSR; and/or such person(s) or entity does not (i) execute such shareholders' deed(s) and such other documentation in the form as Franchisor requires; or (ii) undertake that it will not sell, transfer, gift, charge or pledge any interest or share to any party; or (iii) comply with the terms of the IFA(s); and/or in opinion of Franchisor, such acquisition is likely to be detrimental to the business..."

vi *Surat lanjutan bertarikh 19 Disember 2003 antara CIH dan QSR, tarikh akhir bagi penyelesaian skim tersebut dilanjutkan untuk tempoh 6 bulan lagi mulai dari 20 Disember 2003, berhubung dengan perkara (ii) di atas.*

**4 PENDEDAHAN FASAL PERJANJIAN TERHAD DALAM PERJANJIAN FRANCAIS ANTARABANGSA ("IFA") YANG MENTADBIR FRANCAIS PIZZA HUT**

*Operasi restoran Pizza Hut dikawalselia antara lain oleh, IFAs dengan Pemilik Francais (Yum! Restaurants Asia Pte Ltd), di mana keterangan mengenainya dibentangkan di bawah. Di bawah IFAs, saluran kedai mempunyai tempoh sepuluh (10) tahun mulai pada hari diberi bagi setiap saluran kedai yang ditubuhkan dan boleh diperbaharui pada akhir tahun ke sepuluh (10) untuk tempoh sepuluh (10) tahun lagi, dengan syarat semua syarat dalam dipenuhi dengan memuaskan.*

*IFAs tersebut adalah seperti berikut:*

| **Perjanjian** | **Pemegang Francais** | **Keterangan** |
|---|---|---|
| IFA bertarikh 17 Februarl 2003 (berhubung Pizza Hut Malaysia) | Pizza Hut Restaurants Sdn Bhd | 122 cawangan pada 31 Disember 2004 |
| IFA bertarikh 1 Jun 2002 (berhubung Pizza Hut Singapore) | Pizza Hut Singapore Pte Ltd | 36 cawangan pada 31 Disember 2004 |
| IFA bertarikh 1 Jun 2002 (berhubung Multibrand Singapore) | KFC Management Pte Ltd dan Pizza Hut Singapore Pte Ltd | 4 cawangan pada 31 Disember 2004 |

*Fasal Perjanjian Terhad memperuntukkan bahawa Pemilik Francais boleh menamatkan IFA melalui notis kepada pemegang Francais berkuatkuasa selepas Pemegang Francais menerima notis tersebut, dan/atau menerimapakai sebarang remedi yang dinyatakan dalam IFA, sekiranya berikut berlaku:*

*"...sebarang pengambilalihan secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang orang atau entiti yang bertindak bagi pihak lain, lebih lima belas (15%) daripada saham undi KFCH dan/atau QSR, sama ada secara sendiri atau melalui syarikat-syarikat bersekutunya atau orang atau entiti lain atau diambil bersama dengan sebarang urusniaga sebelumnya; dan/atau keupayaan orang tersebut dan orang-orang yang bertindak bagi pihaknya mengikut pegangan saham mereka, untuk meminda sebarang peruntukan Memorandum dan Tataurusan Pertubuhan Pemegang dan/atau QSR atau mempunyai sebarang keupayaan untuk menerajui dalam pengurusan atau lembaga Pemegang Francais dan/atau QSR; dan/atau orang(orang-orang) atau entiti tersebut tidak (i) melaksanakan surat ikatan (surat ikatan-surat ikatan) dan dokumen-dokumen seumpamanya dalam bentuk sepertimana yang dikehendaki oleh Pemilik Francais; atau (ii) berjanji bahawa ia tidak akan menjual, memindah, memberi sebagai hadiah, menggadai atau mencagar sebarang kepentingan atau saham kepada sebarang pihak, atau (iii) mematuhi kepada terma-terma IFA(s); dan/atau pada pendapat Pemilik Francais, pengambilalihan sedemikian berkemungkinan merugikan perniagaan..."*

# Audit Committee Report

The Board is pleased to present the report on the Audit Committee and its activities during the financial year ended 31 December 2004.

## MEMBERS AND MEETINGS

The Audit Committee comprised the following members and details of their attendance in meetings during the financial year are as follows:

| Audit Committee Members | No. of meetings attended |
|---|---|
| YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid<br>(Chairman/Independent Non-Executive Director) | 3/3 |
| YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil<br>(Member/Independent Non-Executive Director) | 3/3 |
| YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani<br>(Member/Group Managing Director) | 3/3 |

## TERMS OF REFERENCE

Membership

1. The Committee members shall be appointed by the Board from among its numbers and their period of appointment shall be concurrent with their tenure on the Board.

2. The Committee shall comprise of not less than three members, the majority of whom are independent non-executive directors.

3. The Committee members shall elect a Chairman from amongst themselves who shall be an independent non-executive director.

4. At least one member of the Audit Committee must be a member of the Malaysian Institute of Accountants or if he/she is not a member of the Malaysian Institute of Accountants, he/she must have at least three years' working experience and:

   - he/she must have passed the examinations specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967, or

   - he/she must be a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967.

5. No alternate director shall be appointed as a Committee member.

# *Laporan Jawatankuasa Audit*

*Pihak Lembaga dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan aktiviti-aktivitinya sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.*

**KEAHLIAN DAN MESYUARAT**

*Jawatankuasa Audit adalah terdiri daripada ahli-ahli berikut dan maklumat kehadiran mereka di dalam mesyuarat dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:*

| ***Ahli Jawatankuasa Audit*** | ***Bil. mesyuarat dihadiri*** |
|---|---|
| *YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif )* | *3/3* |
| *YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil (Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)* | *3/3* |
| *YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani (Ahli/Pengarah Urusan Kumpulan)* | *3/3* |

**TERMA RUJUKAN BAGI JAWATANKUASA AUDIT**

*Keahlian*

1 *Ahli Jawatankuasa dilantik oleh Lembaga dari kalangan mereka manakala tempoh perlantikan mereka hendaklah serentak dengan tempoh sah perlantikan mereka sebagai ahli Lembaga Pengarah.*

2 *Jawatankuasa hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga orang ahli dengan majoriti ahli-ahlinya terdiri daripada pengarah bebas bukan eksekutif.*

3 *Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah melantik seorang Pengerusi dari kalangan mereka yang juga merupakan pengarah bebas bukan eksekutif.*

4 *Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa adalah ahli Institut Akauntan Malaysia atau jikalau beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:*

- *beliau telah lulus peperiksaan yang telah ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967, atau*

- *beliau merupakan ahli badan iktisas akauntan yang diiktiraf dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.*

5 *Tiada Pengarah pengganti boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa.*

# Audit Committee Report (contd.)

6 The term of office and performance of the Committee and each of its members shall be reviewed by the Board at least once every three years to determine whether the Committee and its members have carried out their duties in accordance with their terms of reference.

7 If a Committee member retires or resigns or for any reason ceases to be a member with the result that the number of members is reduced to below three, the Board shall within three months of that event appoint such number of new members as may be required to make up the minimum number of three members.

**Duties and Responsibilities**

1 To consider the appointment of the external auditor, the audit fee and any questions of resignation or dismissal including recommending the nomination of person or persons as external auditors.

2 To discuss with the external auditor prior to the commencement of audit, the nature and scope of the audit, the audit plan and ensure co-ordination where more than one audit firm is involved.

3 To review the assistance extended by the employees to the external auditor.

4 To review the quarterly, half-yearly and year-end financial statements prior to the approval of the board, focusing on:

- the going concern assumption
- compliance with accounting standards and other legal and regulatory requirements.
- any changes in the accounting policies and practices
- significant issues arising from the audit

5 To discuss problems and reservations arising from the interim and final audits, and any significant matter the external auditor may wish to discuss, where necessary, in the absence of management or any executive board member.

6 To review the external auditor's management letter, response from the management and the audit report.

7 To do the following with the internal audit function:

- Review the adequacy of the scope, functions and resources of the internal audit function, and that it has the necessary authority to carry out its work.
- Review the internal audit program and results of the internal audit process and where necessary ensure that appropriate action is taken on the recommendations of the internal audit function.
- Review and evaluate the effectiveness of the system of internal controls jointly with the external auditors.
- Review any appraisal or assessment of the performance of members of the internal audit function.
- Approve any appointment or termination of senior staff members of the internal audit function
- Keep itself informed of resignations of internal audit staff members and provide the resigning staff member an opportunity to submit his/her reasons for resigning.

6 *Tempoh jawatan dan prestasi keseluruhan Jawatankuasa dan setiap ahlinya akan dikaji semula oleh Lembaga sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada Jawatankuasa dan ahlinya menjalankan tugas berlandaskan syarat-syarat rujukan.*

7 *Sekiranya seorang ahli Jawatankuasa bersara atau meletakkan jawatan atau atas mana-mana sebab berhenti daripada ahli yang mengakibatkan jumlah ahli-ahli Jawatankuasa kurang dari tiga orang, pihak Lembaga mesti melantik ahli baru dalam tempoh tiga bulan dari tarikh ketiadaan bagi memenuhi tiga ahli-ahli Jawatankuasa.*

**Tugas dan Tanggungjawab**

1 *Menimbangkan dengan teliti perlantikan juruaudit luaran, penetapan yuran audit dan sebarang persoalan berkaitan dengan perletakan atau perlucutan jawatan termasuk juga mengesyorkan pencalonan mana-mana orang perseorangan atau kumpulan sebagai juruaudit luaran.*

2 *Berbincang dengan juruaudit luaran sebelum perlaksanaan kerja-kerja audit iaitu berkenaan dengan pendekatan skop audit dan pelan audit serta memastikan ko-ordinasi sekiranya lebih dari satu firma audit terlibat.*

3 *Mengkaji semula bantuan yang diberikan oleh kakitangan kepada juruaudit luaran.*

4 *Menyemak penyata kewangan suku tahunan, setengah tahunan dan tahunan sebelum memperolehi kelulusan dari pihak Lembaga dengan memberi penekanan terhadap:*

- *andaian perniagaan berterusan*
- *pematuhan kepada piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan*
- *sebarang perubahan ke atas polisi dan amalan perakaunan*
- *sebarang isu penting yang diketengahkan dari audit*

5 *Membincangkan pelbagai masalah dan sebarang keraguan yang berbangkit dari keputusan audit interim dan tahunan serta sebarang perkara penting yang ingin dibincangkan oleh juruaudit luaran dan jika perlu tanpa kehadiran dari pihak pengurusan atau mana-mana ahli lembaga eksekutif.*

6 *Menyemak lembaran pengurusan juruaudit luaran, tindakan susulan pihak pengurusan dan laporan audit.*

7 *Melaksanakan perkara-perkara berikut yang berkaitan dengan fungsi audit dalaman:*

- *Mengkaji ruang lingkup tugas, fungsi dan sumber-sumber fungsi audit dalaman dan memastikan bahawa ia mempunyai bidang kuasa yang sewajarnya untuk menjalankan tugas.*
- *Mengkaji semula program dan hasil dari proses audit dalaman dan jika perlu memastikan supaya tindakan sewajarnya diambil ke atas saranan yang diketengahkan oleh fungsi audit dalaman.*
- *Mengkaji dan menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman dengan juruaudit luaran.*
- *Mengkaji penilaian prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman.*
- *Meluluskan apa-apa perlantikan atau penamatan tugas bagi kakitangan kanan fungsi audit dalaman.*
- *Dimaklumkan tentang sebarang perletakan jawatan oleh mana-mana kakitangan audit dalaman dan membuka peluang kepada mereka untuk mengetengahkan sebab-sebab perletakan jawatan.*

# Audit Committee Report (contd.)

8 To review any related party transaction and conflict of interest situation that may arise within the company or Group including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity.

9 To consider the major findings of internal investigations and management's response.

10 In compliance with paragraph 15.17 of the Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB) Listing Requirements, where the Committee is of the view that a matter reported by it to the Board has not been satisfactorily resolved resulting in a breach of the Listing Requirements, the Committee shall promptly report such matter to the BMSB.

11 To perform any other functions as authorised by the Board.

12 The Committee reports its findings and makes appropriate recommendations for the Board's consideration and approval.

**Authority**

The Committee shall have the following authority as empowered by the Board:

1 Explicit authority to investigate any matter within its terms of reference.

2 The resources that are required to perform its duties.

3 Full and unrestricted access to all records, information, properties and personnel.

4 Direct communication channels with the external auditors and persons carrying out the internal audit function.

5 Able to obtain independent professional advice at the company's expense and to invite outsiders with the relevant experience and expertise to attend the Committee's meetings if it considers this necessary.

6 Able to convene meetings with the external auditors excluding the attendance of the executive members of the Committee whenever deemed necessary.

**Meetings**

1 The Committee shall meet not less than four times a year although additional meetings may be called at any time at the discretion of the Chairman of the Committee.

2 The quorum for Committee meetings shall be two members and the majority of the members present shall be independent non-executive directors.

8 Memantau sebarang urus niaga dengan pihak yang berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang mungkin wujud dalam syarikat atau Kumpulan termasuk mana-mana urus niaga, peraturan dan perlakuan yang menimbulkan pertikaian berhubung dengan keutuhan pihak Pengurusan.

9 Menimbangkan hasil penemuan dari penyiasatan dalaman dan tindakan susulan oleh pihak pengurusan.

10 Berdasarkan perenggan 15.17 Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB), jika Jawatankuasa berpendapat bahawa sesuatu perkara yang dilaporkan kepada Lembaga tidak menemui jalan penyelesaian yang memuaskan dan melanggar Syarat-syarat Penyenaraian, maka Jawatankuasa perlu segera melaporkan perkara tersebut kepada BMSB.

11 Melaksanakan fungsi-fungsi lain sebagaimana yang dikuatkuasakan oleh Lembaga.

12 Jawatankuasa akan melaporkan sebarang penemuan dan memajukan cadangan untuk pertimbangan dan kelulusan pihak Lembaga.

**Bidang Kuasa**

1 Mempunyai kuasa yang jelas dan nyata untuk menyiasat mana-mana perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat.

2 Mempunyai sumber-sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugas.

3 Diberi kuasa sepenuhnya dan tanpa halangan untuk meneliti semua rekod, maklumat hartanah dan kakitangan.

4 Saluran komunikasi langsung di antara juruaudit luaran dan mana-mana pihak yang menjalankan fungsi audit dalaman.

5 Berhak untuk mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas yang dibiayai oleh Syarikat dan menjemput mana-mana pihak yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang sewajarnya untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa sekiranya perlu.

6 Boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luaran tanpa kehadiran ahli-ahli eksekutif Jawatankuasa, bila perlu.

**Mesyuarat**

1 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat tidak kurang dari empat kali setahun walaupun mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa tertakluk pada budi bicara Pengerusi Jawatankuasa.

2 Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa hendaklah seramai dua ahli dan majoriti kehadiran ahli mestilah dari kalangan pengarah bebas bukan eksekutif.

# Audit Committee Report (contd.)

3 The Secretary of the Committee shall be in attendance at meetings of the Committee. Other board members, management and employees, external auditors may attend meetings upon the invitation of the Committee.

4 The Secretary of the Committee shall send out notices of meetings, record the proceedings of meetings and circulate minutes among members of the Committee.

**ACTIVITIES OF THE AUDIT COMMITTEE**

The Audit Committee held three meetings since the company's listing on Bursa Malaysia on 1 April 2004. In its meetings, the Audit Committee reviewed the quarterly financial results and announcements to Bursa Malaysia Securities Berhad prior to recommending to the Board for approval.

Prior to the commencement of audit, the external auditors were present to brief the Committee on their scope of work and audit plan and also updated the Committee on applicable accounting standards issued by the Malaysian Accounting Standards Board. Upon completion of audit, the external auditors briefed the Committee on significant matters arising from their examination of the annual financial statements as well as managements' response and the Committee deliberated on these issues before conveying their views to the Board.

The Committee also reviewed the Group internal audit plan, deliberated on the internal audit reports that were tabled and appraised management's response to the key audit observations and recommendations.

**INTERNAL AUDIT FUNCTION**

The internal audit function is undertaken by the Group Internal Audit Department (GIAD) which reports to and assists the Audit Committee in discharging its duties and responsibilities.

The GIAD's scope of work covers all the operating divisions of the Group and they performed their duties in accordance with the annual audit plan that was approved by the Audit Committee. As part of its audit strategies, the GIAD conducted risk evaluations, reviewed the adequacy and effectiveness of the system of internal controls, reviewed the extent of compliance with the Group's policies and procedures and regulatory requirements and also reviewed the business processes with the aim of improving the Group's operations.

During the financial year, the GIAD issued eighteen audit reports. There were no material internal control failures that were reported that resulted in a significant financial loss to the Group.

3 Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa. Lain-lain ahli Lembaga, pihak pengurusan dan kakitangan serta juruaudit luaran boleh menghadiri mesyuarat di atas jemputan daripada Jawatankuasa.

4 Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menghantar notis mesyuarat, mencatatkan perjalanan mesyuarat dan mengedarkan minit-minit mesyuarat di kalangan ahli-ahli Jawatankuasa.

**AKTIVITI-AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT**

Jawatankuasa audit telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga kali sejak penyenaraian Syarikat di Bursa Saham Malaysia pada 1 April 2004. Melalui mesyuarat-mesyuarat tersebut, Jawatankuasa Audit telah menyemak keputusan prestasi kewangan suku tahunan serta pengumuman kepada Bursa Malaysia Securities Berhad sebelum mengesyorkan cadangan kepada pihak Lembaga untuk kelulusan.

Sebelum bermulanya audit, juruaudit luaran hadir untuk memberikan taklimat kepada Jawatankuasa mengenai skop kerja dan pelan audit disamping menyampaikan maklumat terkini kepada Jawatankuasa tentang piawaian perakaunan yang dikemukakan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Setelah audit selesai dilaksanakan, juruaudit luaran juga memberikan taklimat kepada Jawatankuasa Audit mengenai perkara-perkara penting yang berbangkit hasil daripada pemeriksaan mereka terhadap penyata-penyata kewangan tahunan dan juga tindakan susulan dari pihak pengurusan di mana Jawatankuasa akan menghalusi isu-isu ini sebelum mengutarakan pandangan mereka kepada pihak Lembaga.

Jawatankuasa turut mengkaji pelan audit Kumpulan untuk tahun kewangan, menghalusi laporan audit dalaman yang telah dibentangkan dan menilai tindakan susulan dari pihak pengurusan terhadap pemerhatian dan cadangan penting audit.

**FUNGSI AUDIT DALAMAN**

Fungsi audit dalaman dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan (GIAD) yang membantu dan melaporkan kepada Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Bidang tugasan juruaudit dalaman merangkumi seluruh operasi di dalam Kumpulan. Mereka melaksanakan bidang-bidang tugas berpandukan perancangan audit tahunan yang telah diluluskan oleh pihak Jawatankuasa. Sebagai sebahagian daripada strategi audit, GIAD menjalankan penaksiran risiko, mengkaji kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman, memeriksa sama ada bahagian mematuhi dasar dan peraturan Kumpulan serta undang-undang dan juga menilai seluruh proses-proses perniagaan dengan matlamat mempertingkatkan operasi Kumpulan.

Pada sepanjang tahun kewangan, GIAD telah mengemukakan lapan belas laporan audit. Tiada laporan berkenaan kegagalan kawalan dalaman yang mengakibatkan kerugian kewangan yang besar kepada Kumpulan.

# Statement on Internal Control

## INTRODUCTION

This Statement on Internal Control is made in accordance with the Malaysian Code on Corporate Governance and paragraph 15.27 (b) of the Bursa Malaysia Securities Berhad Listing Requirements, which requires Malaysian public listed companies to make a statement about their state of internal control, as a Group, in their annual report.

## BOARD RESPONSIBILITY

The Board acknowledges its responsibility for maintaining a sound system of internal control and for reviewing its adequacy and integrity. This system of internal control is meant to safeguard shareholders' investments and the Group's assets and it covers financial, operational, compliance and regulatory controls.

However, any system of internal control is designed to manage rather than eliminate the risk of failure to achieve business objectives and therefore, it can only provide reasonable and not absolute assurance against material misstatement or loss.

## THE GROUP'S SYSTEM OF INTERNAL CONTROL

The Board is of the view that the Group has an adequate and conducive control environment for it to accomplish its mission and business objectives. The Group's internal control system encompasses the Board and its various Board Committees with its specific terms of reference, executive management that is accountable for all its actions and also various monitoring and review procedures that is embedded in the Group's processes. The Board also believes that these control processes should be regularly reviewed and remains committed in ensuring that an effective system of internal control is maintained within the Group.

Some of the key features of the Group's internal control system that is still functioning effectively are as follows:

- There is a formal organizational structure with delineated lines of authority, responsibility and accountability within the Group.
- Authority limits are established within the Group to provide a functional framework of authority in approving revenue and capital expenditures.
- Major investments, acquisitions and disposals are appraised prior to approval by the EXCO or the Board.
- The Group's performance is monitored through an integrated budgeting system which requires all material variances to be identified and reviewed by management on a timely basis.
- Monthly management accounts are prepared by Group Finance for the review by executive management and EXCO while quarterly results are presented to the Board to monitor the Group's progress towards achieving its objectives.

# *Penyata Kawalan Dalaman*

**PENGENALAN**

*Penyata kawalan Dalaman ini dikemukakan selaras dengan kod Urus Tadbir Korporat Malaysia serta peruntukan Fasa 15.27(b) Syarat Penyenaraian Syarikat Awam Bursa Malaysia Malaysia Securities Berhad yang mewajibkan syarikat awam yang tersenarai di Malaysia mengemukakan kenyataan terhadap tahap kawalan dalaman bagi Kumpulan di dalam Laporan Tahunan Syarikat.*

**TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH**

*Pihak Lembaga sedia maklum mengenai tanggungjawab mereka untuk menyelenggarakan sistem kawalan dalaman yang mantap disamping mengkaji kecukupan dan keutuhannya. Sistem kawalan dalaman ini bertujuan melindungi pelaburan pemegang saham, aset milik Kumpulan dan ianya meliputi aspek kewangan, operasi, pematuhan dan kawalan perundangan.*

*Walaubagaimanapun, mana-mana sistem kawalan dalaman dirangka untuk menguruskan dan bukannya mengenepikan risiko kegagalan untuk mencapai matlamat perniagaan Kumpulan. Oleh yang demikian sistem kawalan dalaman ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah tetapi bukan jaminan mutlak terhadap sebarang salah nyata atau kerugian ketara.*

**SISTEM KAWALAN DALAMAN BAGI KUMPULAN**

*Pihak Lembaga berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai persekitaran dalaman yang mencukupi dan menggalakkan bagi tujuan mencapai misi dan matlamat perniagaannya. Sistem kawalan dalaman meliputi pihak Lembaga dan pelbagai Jawatankuasa Lembaga yang disokong dengan terma rujukan yang khusus, pengurusan eksekutif yang bertanggungjawab terhadap semua tindakan dan peraturan pemantauan dan penyemakan dalam proses Kumpulan. Pihak Lembaga juga berpendapat bahawa proses-proses kawalan ini wajar disemak selalu dan bersetuju dalam memastikan sistem kawalan dalaman ini berfungsi dengan berkesan dapat dikekalkan di dalam kumpulan.*

*Diantara ciri-ciri utama sistem kawalan dalaman Kumpulan yang masih berfungsi secara berkesan adalah seperti berikut:*

- *Struktur pentadbiran rasmi yang memperuntukkan bidang kuasa, tanggungjawab dan kebertanggung-jawaban di dalam Kumpulan.*
- *Ruang lingkup bidang kuasa telah ditetapkan oleh Kumpulan bagi menyediakan rangka kerja bidang kuasa yang berfungsi dalam perihal meluluskan sebarang hasil dan perbelanjaan modal.*
- *Pelaburan utama, pemerolehan dan penjualan dinilai sebelum memperolehi kelulusan EXCO atau Lembaga.*
- *Prestasi kumpulan dipantau melalui sistem belanjawan bersepadu yang mana segala perbezaan material di kenalpasti dan dikaji oleh pihak pengurusan menurut tempoh waktu yang ditetapkan.*
- *Akaun pengurusan bulanan disediakan oleh pihak Kumpulan Kewangan untuk kajian pihak pengurusan dan EXCO, manakala keputusan suku tahunan dibentangkan kepada pihak Lembaga untuk memantau tahap kemajuan Kumpulan ke arah pencapaian matlamat-matlamatnya.*

# Statement on Internal Control
(contd.)

- Human resource function at group level outlines consistent procedures and guidelines for recruitment, performance appraisals and promotion to ensure that suitably qualified personnel are hired and retained while Group Training function takes on the task of developing these employees with the appropriate skills.

- Regular supervisory checks are performed to ensure strict adherence to operation, administration and accounting procedures that are clearly described in the standard operations manual for retail management.

- A centralized and coordinated procurement function for major purchases, projects and maintenance expenditures that ensures adherence to approval procedures as well as to leverage on economies of scale.

- A centralized accounting and disbursement function ensures compliance with the established procedures and approval authority.

- Strict adherence to health, safety, environmental and halal standards as enforced by the various authorities. Product safety and quality audits are conducted by the Quality Assurance function on an ongoing basis while the Syariah Council oversees halal related matters.

The Audit Committee that is established by the Board performs an oversight role in maintaining the integrity of the Group's system of internal control. The Audit Committee is assisted by the Group Internal Audit Department which performs regular audits to review the internal controls and risk management practices and also the external auditors which review the financial reporting controls.

**RISK MANAGEMENT**

The Group established a formal risk management framework in 2002 which enabled management and the Board to share a common model in the effective communication and evaluation of all principal risks and controls. The process involves executive management's identification of risks, assessment of risks and controls and formulation of appropriate action plans before these are escalated to the Risk Management Committee and the Board for review.

The Group's risk management framework entails the enterprise risk to be reviewed periodically. This was carried out during the year with the assistance of an external consultant which conducted workshop and interviews with key management staff. The resultant updated risk profiles have been reported to the Risk Management Committee and the Board.

**CONCLUSION**

The Board, in fulfilling its responsibilities, has ensured that the Group has a proper risk management and control framework that is necessary to achieve a sound system of internal control. The Board is assured that this system of internal control, which is reviewed on an ongoing basis, is adequate for the Group to manage its risks and to achieve its business objectives.

- *Pada peringkat kumpulan, fungsi sumber manusia menggariskan keseragaman peraturan dan garis panduan bagi pengambilan pekerja, penilaian prestasi dan kenaikan pangkat bertujuan untuk memastikan calon yang berkelayakan diambil bekerja, manakala fungsi Latihan Kumpulan bertanggungjawab membangunkan tenaga pekerja dengan kepakaran yang sewajarnya.*

- *Penyeliaan dan pemeriksaan kerap dilaksanakan untuk memastikan pematuhan ketat terhadap peraturan operasi, pentadbiran dan perakaunan seperti mana yang jelas dinyatakan di dalam buku panduan piawaian operasi bagi pengurusan penjualan runcit.*

- *Fungsi perolehan berpusat yang diselaraskan bagi pembelian-pembelian utama, perbelanjaan projek dan perbelanjaan penyelenggaraan adalah untuk memastikan pematuhan kepada peraturan kelulusan bagi mencapai ekonomi skala.*

- *Fungsi perakaunan dan pembayaran berpusat memastikan pematuhan ke atas peraturan dan bidang kuasa kelulusan yang sedia ada.*

- *Pematuhan ketat terhadap aspek kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan piawaian halal yang dikuatkuasakan oleh pihak berkenaan. Aspek keselamatan produk dan audit kualiti dijalankan oleh fungsi Jaminan Kualiti secara berterusan manakala Majlis Syariah memantau perihal halal.*

*Jawatankuasa Audit ditubuhkan oleh Lembaga menjalankan tugas-tugas pemantauan demi memastikan keutuhan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Jawatankuasa Audit dibantu oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan yang kerap menjalankan tugas-tugas audit untuk menyemak kawalan-kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko manakala juruaudit luaran menyemak kawalan-kawalan laporan kewangan.*

## PENGURUSAN RISIKO

*Pada tahun 2002, Kumpulan telah menubuhkan satu rangka kerja pengurusan risiko yang membolehkan pihak Pengurusan dan Lembaga menggunakan model ini untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan dan menilai semula semua risiko-risiko penting dan kawalan. Kaedah ini melibatkan pengenalpastian risiko oleh pihak pengurusan eksekutif, penilaian risiko dan kawalan serta rumusan pelan tindakan yang bersesuaian sebelum semua ini dimajukan secara rasmi kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Lembaga untuk semakan selanjutnya.*

*Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan ini memerlukan risiko penilaian dikaji semula sekerap yang mungkin. Penilaian ini telah dilaksanakan di dalam tahun kewangan dengan bantuan perunding luar melalui bengkel kerja dan sesi temuramah dengan beberapa pihak pengurusan tertinggi. Hasil daripada profil-profil risiko yang dikemaskinikan itu dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan pihak Lembaga.*

## KESIMPULAN

*Di dalam memenuhi tanggungjawabnya, pihak Lembaga telah memastikan bahawa Kumpulan mempunyai rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan yang sewajarnya untuk mencapai tahap sistem kawalan dalaman yang baik. Lembaga diberi jaminan bahawa kawalan dalaman yang dikaji dan disemak secara berterusan adalah mencukupi bagi Kumpulan mengurus risiko demi mencapai objektif-objektif perniagaannya.*

# Chairman's Statement
# *Penyata Pengerusi*



**Datuk Haji Izhar bin Sulaiman**
Group Executive Chairman
*Pengerusi Eksekutif Kumpulan*

# Chairman's Statement
# *Penyata Pengerusi*

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present to you the Annual Report and Financial Statements of QSR Brands Bhd (QSR) for the financial year ended 31 December 2004.

## ECONOMIC PERFORMANCE

2004 witnessed a continued though moderate rise in the Malaysian economy. This was the result of several factors, including a strong export sector, healthy consumer demand, and an upsurge in tourism after the deleterious effects of last year's Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) epidemic.

Malaysia's economy continued to maintain its growth momentum of the previous year (2003 GDP: 5.2%), gaining 7.1% in GDP in 2004. Q1 and Q2 both reported robust growth averaging 8%, with a still impressive 6.8% in Q3 and 6.3% in Q4. This despite the continuing ramifications of the Iraq War, as well as an outbreak of avian flu in the region, which commenced during Q1. Financial markets in 2004 also saw an upsurge, with Bursa Malaysia's Composite Index posting an increase of nearly 120 points, or 13%, to 907 at year's end.

Strong domestic and export demand, notably high prices for palm oil and crude oil, combined with improving consumer and business confidence, sustained private investment activities, as well as sound economic fundamentals and prudent fiscal and monetary policies implemented by the government all contributed to the improved economy.

Whilst confined to just Thailand and Vietnam, and with only a few dozen cases reported throughout 2004, the avian flu had a pronounced if relatively short-term effect on the hotels and restaurants sector, and on QSR's financial performance.

*Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan QSR Brands Bhd (QSR) dan Penyata Kewangannya yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.*

## *PRESTASI EKONOMI*

*Walaupun mencatatkan peningkatan sederhana, namun ekonomi Malaysia terus menikmati pertumbuhan berterusan pada tahun 2004. Beberapa faktor telah menyumbang pertumbuhan tersebut, termasuk keteguhan sektor eksport, permintaan pengguna yang memuaskan serta peningkatan aktiviti pelancongan selepas terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Akut yang teruk (SARS) pada tahun lepas.*

*Ekonomi Malaysia terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang dinikmati pada tahun sebelumnya (KDNK 2003: 5.2%), peningkatan KDNK sebanyak 7.1% pada tahun 2004. Suku Tahun Pertama dan Suku Tahun Kedua mencatatkan pertumbuhan mantap, secara purata 8% dan masih menikmati pertumbuhan memuaskan sebanyak 6.8% pada Suku Ketiga dan 6.3% pada Suku Keempat. Ia berjaya dicapai walaupun mendapat kesan berterusan daripada Perang Iraq serta wabak selsema burung yang semakin merebak di rantau ini pada Suku Tahun Pertama. Pasaran kewangan turut mencatat lonjakan pada tahun 2004 dengan Indeks Komposit Bursa Malaysia mencatatkan peningkatan hampir 120 mata, atau 13%, ke paras 907 pada akhir tahun lepas.*

*Keteguhan permintaan domestik dan eksport, terutamanya kenaikan harga minyak sawit dan minyak mentah serta peningkatan tahap keyakinan pengguna dan perniagaan, aktiviti pelaburan swasta yang mampan serta asas ekonomi yang mantap dan pelaksanaan dasar fiskal dan kewangan oleh kerajaan secara berhemat telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang bertambah baik.*

*Walaupun berlaku di Thailand dan Vietnam sahaja serta beberapa kes yang dilaporkan berlaku di negara ini pada sepanjang tahun 2004, namun wabak selsema burung hanya mendatangkan kesan jangka pendek sahaja kepada sektor hotel dan restoran dan terhadap prestasi kewangan QSR.*

# Chairman's Statement
(contd.)

The nation's overall economic growth in 2004 contributed to an expansion of the quick service restaurant sector. Consumer spending rose, partly as a result of salary adjustments and government bonuses, and was reinforced by growing consumer confidence as the country's economy continued to strengthen and showed signs of sustained growth.

Across the Causeway, Singapore's GDP grew 8.1% in 2004 versus just 1.1% growth in 2003. This was largely attributable to a recovery of the global IT market, which helped bolster consumer spending, along with improvements in the labour market and continued low interest rates.

The unemployment rate fell from an all time high of 5.5% during the SARS outbreak in 2003 to 3.4% in September 2004. Spending has resumed and 2004 also saw more people traveling for leisure.

Some factors impacting Singaporean operations were: a significantly heightened competitive environment, whereby consumers have a greater choice of options per capita, not only in the number of restaurants but in the variety of offerings available; a stronger push from consumers as well as government sectors for healthier food options; consumers continue to look for convenience, value and variety as the food market became increasingly competitive. Many food courts were also upgraded and offered a wider selection, including Japanese and Korean food, giving fast foods a real run for the money.

**An Impressive Debut**

As you are aware, 2004 marked the successful listing of QSR. The new Company was the culmination of the reorganisation scheme undertaken between KFC Holdings (Malaysia) Bhd, C. I. Holdings Bhd and Ayamas Food Corporation Bhd.



The reorganisation had resulted in the formation of Malaysia's largest and most dominant quick service restaurant player. While the major components of the new Company– namely Pizza Hut (PH), KFC and Ayamas– had collectively enjoyed predominant market share, the amalgamation of these entities into QSR has created new synergies beyond the sum of its parts; a real "winning combination" of trusted top-name brands, under a dynamic, aggressive and visionary new corporate entity.

*Pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan pada tahun 2004 telah menyumbang kepada pengembangan sektor restoran perkhidmatan segera. Perbelanjaan pengguna melonjak, sebahagian daripadanya berikutan pelarasan gaji dan bonus kerajaan. Ia telah diperkukuhkan dengan peningkatan tahap keyakinan pengguna selaras dengan pengukuhan ekonomi negara secara berterusan dan menunjukkan tanda-tanda pertumbuhan mampan.*

*Sementara itu, Singapura menikmati pertumbuhan KDNK sebanyak 8.1% pada tahun 2004 berbanding hanya 1.1% pada tahun 2003. Ia sebahagian besarnya disebabkan oleh pemulihan pasaran IT global yang membantu meningkatkan perbelanjaan pengguna dan juga peningkatan di pasaran buruh serta kadar faedah yang kekal rendah.*

*Kadar pengangguran susut daripada paras sebelumnya setinggi 5.5% semasa berlaku wabak SARS pada tahun 2003 kepada 3.4% pada bulan September 2004. Kadar perbelanjaan kembali pulih dan semakin ramai orang melancong bagi tujuan istirehat pada tahun 2004.*




*Antara faktor yang memberi kesan kepada operasi Singapura adalah: persaingan persekitaran yang semakin hebat, di mana para pengguna mempunyai pilihan yang lebih luas per kapita, bukan sahaja dari segi bilangan restoran malah kepelbagaian tawaran yang disediakan; desakan lebih kuat daripada para pengguna dan kerajaan supaya pengusaha menyediakan pilihan makanan yang lebih sihat; pengguna terus memerlukan keselesaan, nilai wang dibelanjakan dan kepelbagaian kerana pasaran makanan semakin bersaingan. Kebanyakan medan makan juga telah dinaiktaraf dan menawarkan pilihan yang lebih luas, termasuk makanan Jepun dan Korea, menyebabkan makanan segera perlu menjadi pilihan terbaik para pelanggan.*

### *Kemunculan Yang Menggalakkan*

*Seperti yang anda sedia maklum, tahun 2004 menyaksikan kejayaan penyenaraian QSR. Syarikat baru ini menandakan kemuncak usaha skim penyusunan semula organisasi yang dijalankan antara KFC Holdings (Malaysia) Bhd, C. I. Holdings Bhd dan Ayamas Food Corporation Bhd.*

*Penyusunan semula organisasi ini telah membawa kepada penubuhan peneraju restoran perkhidmatan segera yang terbesar dan paling berpengaruh di Malaysia. Sungguhpun komponen utama Syarikat baru ini iaitu Pizza Hut (PH), KFC dan Ayamas; secara kolektif menikmati bahagian pasaran yang utama, namun penggabungan kesemua entiti ini mendorong QSR melahirkan satu sinergi baru. Ia menandakan satu kejayaan di luar pencapaian biasa, "kombinasi kejayaan" sebenar yang dibina melalui jenama terulung yang dipercayai ramai di bawah satu entiti korporat baru yang dinamik, agresif dan berwawasan.*

# Chairman's Statement
(contd.)

In its inaugural year, QSR has maintained its market share and expanded its total number of KFC and Pizza Hut outlets in Malaysia and Brunei to 472, compared to 445 in 2003. Singapore, with 110 outlets, also posted an overall gain of 3 outlets over the preceding year.

The strong growth and profitability of our inaugural year represents more than just the collective maintenance of powerful brands. It was driven equally by the introduction of new products and the revamping of whole product lines, new menus, new uniforms, new store interior and exterior identities. Furthermore, new initiatives were implemented to streamline operations, improve efficiencies in manufacturing, in procurement, in sales, and in customer service. And most importantly, a renewed commitment to enhancing customer and shareholder value was articulated as a major objective by the Board.

**Dividends**

The Board of Directors has recommended a first and final dividend of 4 sen less tax of 28% per ordinary share for the financial year ended 31 December 2004, subject to approval by the shareholders at the forthcoming Annual General Meeting.

**Prospects**

Barring any resurgence of bird flu in the region, we forecast continued growth for the Company in 2005. The latest projections from the government indicate a continuation of the favourable growth trends of the past two years, with nearly all-major sectors, including manufacturing, services, and commodity markets performing strongly. These in turn should fuel consumer demand in tandem with higher spending at the retail level.

**Maintenance of Good Corporate Governance**

The Board continues to recognise the need for transparency, full disclosure, and good corporate governance in the execution of its duties and business dealings, thereby enhancing shareholder value and maximising financial performance.

We remain fully committed to compliance with the standards and conduct as established by the Malaysian Code on Corporate Governance (2000). It is the policy of this Board to manage the affairs of QSR in accordance with those principles and best practices.

**Acknowledgements**

The positive results that we achieved this inaugural year reflect highly on our management and staff. On behalf of the Board, let me extend my deepest gratitude to our employees, customers, business partners, the relevant government authorities, and last but not least, to our shareholders for their invaluable support and contributions.

**Datuk Haji Izhar bin Sulaiman**
Group Executive Chairman

Pada tahun permulaannya, QSR berjaya mengekalkan bahagian pasarannya serta meluaskan bilangan kedai KFC dan Pizza Hut di Malaysia dan Brunei kepada 472 buah berbanding 445 pada tahun 2003. Operasi Singapura yang mempunyai 110 kedai turut mencatatkan pertambahan sebanyak 3 kedai baru pada tahun ini.

Keteguhan pertumbuhan dan tahap keuntungan pada tahun permulaan bukan sekadar menggambarkan pengekalan koleksi jenama yang berdaya kuasa tinggi. Ia turut didorong oleh pengenalan beberapa produk baru dan pengubahsuaian keseluruhan barisan produk yang ditawarkan, menu baru, pakaian seragam baru, hiasan dalaman kedai yang baru serta identiti luar kedai. Selain itu, beberapa usaha baru telah dilaksanakan untuk menyusun semula operasi, mempertingkatkan tahap kecekapan pengilangan, pemerolehan, jualan serta perkhidmatan pelanggan. Walau bagaimanapun, pencapaian yang terpenting ialah pembaharuan komitmen untuk mempertingkatkan nilai pelanggan dan pemegang saham telah dimaktubkan oleh Lembaga Pengarah sebagai objektif utama yang ingin dicapai.

**Dividen**

Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 4 sen sesaham biasa ditolak 28% cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

**Prospek**

Jika wabak selsema burung tidak berulang di rantau ini, kami meramal pertumbuhan berterusan akan dinikmati pada tahun 2005. Unjuran terkini daripada kerajaan menunjukkan bahawa wujud kesinambungan arah aliran pertumbuhan menggalakkan yang dicapai sepanjang dua tahun lepas, dengan hampir semua sektor termasuk perkilangan, perkhidmatan dan pasaran komoditi menampilkan prestasi yang teguh. Keadaan ini akan memperbaiki tahap permintaan pengguna selaras dengan perbelanjaan yang lebih tinggi di peringkat runcit.

**Pengendalian Tadbir Urus Korporat Yang Memuaskan**

Lembaga Pengarah terus mengakui tentang keperluan ketelusan, pembentangan maklumat lengkap dan tadbir urus korporat yang memuaskan dalam melaksanakan tugas dan urusan perniagaan yang sebaliknya akan mempertingkatkan nilai pemegang saham serta memaksimumkan prestasi kewangan.

Kami kekal komited sepenuhnya untuk mematuhi piawaian dan tatalaku seperti yang digariskan di bawah Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat (2000). Adalah menjadi dasar Lembaga Pengarah untuk mengendalikan hal ehwal QSR selaras dengan prinsip serta amalan terbaik tersebut.

**Penghargaan**

Keputusan positif yang diperolehi pada tahun pertama ini menggambarkan keberkesanan pengurusan dan kakitangan sekalian. Justeru, saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin menyampaikan ucapan setinggi terima kasih kepada kakitangan, pelanggan, rakan-rakan dalam perniagaan, pihak-pihak berkuasa berkaitan dan tidak lupa juga kepada para pemegang saham kerana memberikan sokongan dan sumbangan yang tidak ternilai.

**Datuk Haji Izhar bin Sulaiman**
*Pengerusi Eksekutif Kumpulan*

# Enhanced Dine-In (EDI) -
# An innovative concept from Pizza Hut

The all-new Wangsa Maju Pizza Hut outlet was among the first “EDI” restaurant launched in Malaysia. In addition, five other existing restaurants were converted to EDI-status during the initial phase of the pilot programme in 2004.

EDI was developed to upgrade the total customer experience to that of a casual-dining level, with warmer, friendlier interior and exterior design treatments, menu revamp, new uniforms – and a new commitment to customer service and satisfaction.



# *Enhanced Dine-In (EDI) - Konsep Inovatif daripada Pizza Hut*

*Restoran Pizza Hut Wangsa Maju merupakan salah satu restoran "EDI" pertama yang dilancarkan di Malaysia. Selain itu, lima buah restoran sedia ada yang lain juga telah dipertingkatkan ke status EDI dalam fasa awal program perintis tahun 2004.*

*EDI diusahakan untuk memberi pengalaman yang lebih menyeluruh kepada para pelanggan dalam menikmati hidangan dalam suasana yang kasual. Selain itu, rekabentuk luaran serta dalaman yang mesra, pengubahsuaian menu dan pakaian seragam baru juga mengkukuhkan komitmen baru terhadap perkhidmatan dan kepuasan pelanggan.*



# Review of Operations
# *Tinjauan Operasi*



**YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani**
Group Managing Director
*Pengarah Urusan Kumpulan*
DSIS

# Review of Operations

# *Tinjauan Operasi*




I am pleased to present you the Review of Operations for QSR Brands Bhd (QSR) for the year ended 31 December 2004.

**PIZZA HUT MALAYSIA**

Pizza Hut Malaysia posted a profit of RM26.7 million as compared to RM15.7 million in 2003. Revenue was also up substantially, to RM205.9million in 2004, a gain of 22% over 2003's RM169.08 million.

The total number of Pizza Hut outlets in Malaysia also grew in 2004 to 122 from 109 in 2003, and is expected to expand again in 2005. Its market share in the pizza sector continues to grow, which reinforces Pizza Hut's distinction as Malaysia's Number One pizza restaurant chain.



**Enhanced Dine-In (EDI) Initiative**

In 2004, Pizza Hut launched one of its most ambitious growth initiatives ever: The Enhanced Dine-In concept seeks to reposition the brand from a quasi-quick service restaurant to that of a mid-casual dining experience. This involves a major revamp of everything from menu selection and uniforms to redesigning of interiors and exteriors, to create an upgraded or "enhanced" dine-in experience.

For example, the new menu has been expanded to include such items as puff-pastry soup, tortilla shell salads, spaghetti dishes and an assortment of hot and cold blended drinks. The pizza line was also improved in 2004, with the introduction of other attractive flavours tailored to local tastes, including Assam Laksa Pizza, Cream Cheese Stuffed Crust Pizza and Ocean Treasure Pizza.

*Saya dengan sukacitanya membentangkan Tinjauan Operasi QSR Brands Bhd (QSR) untuk tahun berakhir 31 Disember 2004.*

***PIZZA HUT MALAYSIA***

*Pizza Hut Malaysia mencatatkan keuntungan sebanyak RM26.7 juta berbanding RM15.7 juta pada tahun 2003. Hasil juga meningkat dengan ketara kepada RM205.9 juta pada tahun 2004, pertambahan sebanyak 22% berbanding RM169.08 juta yang dicapai pada tahun 2003.*

*Bilangan saluran Pizza Hut di Malaysia berkembang daripada 109 pada tahun 2003 kepada 122 pada tahun 2004 dan dijangka akan bertambah lagi pada tahun 2005. Bahagian pasarannya dalam sektor pizza terus berkembang, mengukuhkan kedudukan Pizza Hut yang teguh sebagai rangkaian restoran pizza Nombor Satu di Malaysia.*

***Inisiatif "Enhanced Dine-In" (EDI)***

*Pada tahun 2004, Pizza Hut telah melancarkan salah sebuah usaha pertumbuhan yang paling hebat pernah diusahakan. Konsep "Enhanced Dine-In" bertujuan untuk menampilkan semula jenama ini daripada sebuah restoran menawarkan makanan segera kepada sebuah restoran yang menyediakan pengalaman makan separuh kasual. Ini melibatkan pengubah-suaian yang besar yang meliputi daripada pilihan menu dan pakaian seragam hinggalah kepada rekabentuk semula susun atur dalaman dan luaran bagi menaiktaraf atau mempertingkatkan nilai pengalaman makan di restoran ini.*

*Menu baru tersebut misalnya telah diperluaskan untuk meliputi sup puff-pastry, salad tortilla shell, hidangan spaghetti dan pelbagai jenis minuman campuran panas dan sejuk. Barisan tawaran pizza juga telah diperbaharui pada tahun 2004 dengan pengenalan perisa lain yang menarik yang disesuaikan dengan citarasa tempatan yang antara lain meliputi Pizza Asam Laksa, Cream Cheese Stuffed Crust Pizza dan Ocean Treasure Pizza.*



# Review of Operations
(contd.)

**Enhanced Dine-In (EDI) Initiative** (contd.)

The preliminary or test stage of EDI was undertaken in 2004, with six stores making the full transition to EDI. These included Bukit Bintang, Wangsa Maju, Alamanda, TTDI, Sunway Pyramid and Ampang Park. More outlets are being planned for conversion in 2005. Customer response to the new EDI outlets has been impressive, with all six stores enjoying double-digit growth after renovation.

**Delivery Initiatives**

Another key initiative launched in 2004 was the nationwide call centre, and with it, one nationwide call number– the first in Malaysia for pizza delivery. Pizza Hut has taken a giant step in facilitating customer access to home delivery through out the country with the installation of one easy-to-remember phone number: 1-300-88-2525.



Over RM6 million had been spent on the new facility and on advertising the new toll-free number. The investment includes a state-of-the-art PABX system with over 140 terminals, and an order tracking system.

A further delivery improvement introduced in 2004 was the Heated Pouch, which is now used for all delivery carry-outs to ensure our pizzas are brought hot and oven-fresh to customers.

**Management & Customer Service Initiatives**

To further improve overall performance, Pizza Hut has instituted a series of quality enhancement initiatives in the past year focusing on key areas such as customer service, management and employee excellence, and asset and product improvement.

**2004 Awards**

2004 was also a banner year for Malaysian operations as it garnered industry recognition at the Yum! Restaurant International (YRI) Marketing Development Conference and the Champions Club & Champs Challenge 2005, with a host of awards, including:

* Franchisee of the Year
* Best Overall Marketing
* Best New Product – Local Flavours
* YRI Marketing Excellence to Pizza Hut Marketing Team
* YRI Development Excellence to Pizza Hut Technical Team
* Highest Volume Sales 2004 & Best Promotional Partnership





### *Inisiatif "Enhanced Dine-In" (EDI) (samb.)*

*Peringkat permulaan atau ujian EDI telah dijalankan pada tahun 2004, di mana enam buah kedai telah menjalani peralihan penuh kepada EDI. Cawangan yang terlibat meliputi Bukit Bintang, Wangsa Maju, Alamanda, TTDI, Sunway Pyramid dan Ampang Park. Lebih banyak cawangan telah dirancang untuk ditukar pada tahun 2005. Maklum balas pelanggan terhadap saluran EDI baru adalah sangat hebat, di mana keenam-enam cawangan tersebut mencatatkan pertumbuhan dua angka selepas menjalani pengubahsuaian.*

### *Usaha Penghantaran*

*Satu lagi usaha penting yang dijalankan pada tahun 2004 ialah penubuhan pusat panggilan di seluruh negara, mewujudkan satu nombor panggilan seluruh negara yang merupakan satu-satu pusat panggilan seumpamanya di Malaysia untuk penghantaran pizza. Pizza Hut telah mengambil satu langkah besar bagi mempermudahkan akses pelanggan melalui penghantaran ke rumah di seluruh negara melalui pemasangan nombor telefon mudah diingat: 1-300-88-2525.*

*Lebih RM6 juta telah dibelanjakan untuk kemudahan baru ini dan untuk pengiklanan nombor bebas tol baru ini. Pelaburan yang disalurkan meliputi sebuah sistem PABX canggih dengan lebih 140 terminal dan sebuah sistem mengesan pesanan.*

*Usaha selanjutnya untuk mempertingkatkan penghantaran yang diperkenalkan pada tahun 2004 adalah Bekas Panas, yang kini digunakan untuk semua penghantaran "carry-outs" bagi memastikan pizza kami yang dibawa untuk pelanggan kekal panas dan segar seperti baru keluar dari ketuhar.*

### *Usaha Pengurusan & Perkhidmatan Pelanggan*

*Bagi mempertingkatkan lagi prestasi keseluruhan, Pizza Hut telah memperkenalkan beberapa usaha peningkatan kualiti pada tahun lepas yang memfokus kepada beberapa bidang utama seperti perkhidmatan pelanggan, kecemerlangan pengurusan dan kakitangan serta peningkatan aset dan produk.*

### *Penerimaan Anugerah Pada Tahun 2004*

*Tahun 2004 juga merupakan satu tahun gemilang bagi operasi di Malaysia kerana ia telah mendapat pengiktirafan di Persidangan Yum! Restaurant International (YRI) Marketing Development Conference and the Champions Club & Champs Challenge 2005, dengan pelbagai anugerah, antaranya:*

- *Franchisee of the Year*
- *Best Overall Marketing*
- *Best New Product – Local Flavours*
- *RI Marketing Excellence to Pizza Hut Marketing Team*
- *YRI Development Excellence to Pizza Hut Technical Team*
- *Highest Volume Sales 2004 & Best Promotional Partnership*





# Review of Operations
(contd.)

**PIZZA HUT SINGAPORE**

Turnover for PH Singapore rose RM8.3 million (S$1.8 million) or 6.2% in 2004 to RM140.9 million (S$62.6 million).

During the year, PH opened 3 new restaurants, closed 1, and relocated 1, with a year-end store count of 40 restaurants. The year kicked off with a Prosperity Pizza to celebrate Chinese New Year – the combination of lime mayonnaise topped with premium Chinese New Year delicacies of BBQ chicken and chicken floss proved extremely popular. This was followed very quickly by Lovestruck Pizza in celebration of Valentine's Day. With the onslaught of avian flu immediately after Chinese New Year, plans were quickly changed from a chicken sausage promotion to a Seafood Paradise launch instead. Sales grew with this move.

Once avian flu was contained in the region, Pizza Hut resumed its efforts to enhance its image as well as create a strategic push towards an affordable casual dining proposition. A series of Pizza Hut signature dishes were developed and launched starting with the Double Ring Crust and Crispy Tortilla Bowls. Local favorites, Otah Stuffed Crust Pizza followed in September and Japanese-themed Teriyaki Chicken Pizza came aboard in October. The year ended well with a special Stuffed Cheese Crust pizza for the Christmas season – the Wishing Star Pizza.

The Division maintained its leadership in delivering quality pizza through the new proprietary Hot Pouch. To reinforce the hot pizza strategy, a Hot and Oven fresh campaign was promoted as a seal of quality for Pizza Hut.

During the year several new delivery restaurants were opened to increase customer reach. In July, the call centre support was expanded by increasing the number of phone lines to cater to peak times.

With the largest fleet of delivery riders or Waiters-on Wheels (WOWs), Pizza Hut is committed to ensuring the safety of WOWs by working closely with the Traffic Police in Singapore to promote safe riding amongst the riders. The programme included development of a safe-riding handbook and incentives for staying accident free. A customer hotline, 6368 3838, was set up for public feedback on the safety habits of our WOWs.

On the dine-in front, efforts continued to focus on repositioning Pizza Hut into the affordable casual dining segment, and this went beyond expanding menu offerings. To date, 4 new image-enhanced 4 stores in the reconfigured casual dining ambience were completed, and restaurant team uniforms were redesigned to reflect a more contemporary image







**PIZZA HUT SINGAPURA**

*Pada tahun 2004, perolehan PH Singapura meningkat sebanyak RM8.3 juta (S$1.8 juta) atau 6.2%, kepada RM140.9 juta (S$62.6 juta).*

*Pada tahun ini, PH telah membuka 3 restoran baru, menutup sebuah restoran, dan memindahkan lokasi sebuah restoran, menjadikan bilangannya pada akhir tahun sebanyak 40 restoran.*

*Tahun ini dimulakan dengan Prosperity Pizza bagi meraikan Tahun Baru Cina – gabungan mayonis limau diselaputi ayam BBQ selera Tahun Baru Cina chicken floss terbukti sangat digemari. Ini diikuti oleh Lovestruck Pizza sempena sambutan Valentine's Day.*

*Wabak selsema burung yang melanda selepas Tahun Baru Cina menyebabkan beberapa rancangan terpaksa diubah dengan pantas yang melibatkan perubahan pelancaran promosi sosej ayam ditukar kepada promosi Seafood Paradise. Langkah ini berjaya menghasilkan pertumbuhan jualan.*

*Sebaik sahaja wabak selsema burung berjaya dibendung di rantau ini, Pizza Hut telah memulakan semula usaha untuk mempertingkatkan imejnya serta mewujudkan sebuah dorongan strategik untuk mencipta sebuah cadangan pengalaman makan kasual yang termampu. Beberapa siri hidangan utama Pizza Hut telah dibangunkan dan dilancarkan, bermula dengan Double Ring Crust dan Crispy Tortilla Bowls. Ini diikuti dengan pelancaran citarasa kegemaran tempatan, Otah Stuffed Crust Pizza pada bulan September dan citarasa bertema Jepun, Teriyaki Chicken Pizza pada bulan Oktober. Tahun ini diakhiri dengan pelancaran pizza istimewa Stuffed Cheese Crust untuk musim Krismas, dikenali sebagai Wishing Star Pizza.*

*Bahagian ini mengekalkan peranannya menghantar pizza berkualiti melalui pelancaran baru Hot Pouch. Bagi mengukuhkan strategi pizza panas, kempen Hot and Oven fresh telah dipromosikan untuk Pizza Hut.*

*Pada tahun ini, beberapa restoran penghantaran baru telah dibuka untuk menambah liputan pelanggan. Pada bulan Julai, sokongan pusat panggilan telah diperluaskan dengan menambah bilangan talian telefon bagi memenuhi keperluan pada waktu puncak.*



*Dengan angkatan penghantar bermotosikal atau Waiters-on Wheels (WOW) terbesar yang dimilikinya, Pizza Hut komited untuk memastikan keselamatan WOW dengan menjalin hubungan kerjasama erat dengan Polis Trafik di Singapura bagi mempromosi pengendalian motosikal secara selamat di kalangan para penghantar bermotosikal tersebut. Program ini meliputi pembangunan sebuah buku panduan menunggang secara selamat serta insentif bebas kemalangan. Sebuah talian hotline pelanggan, 6368 3838, telah diwujudkan untuk mendapat maklum balas pelanggan mengenai tabiat keselamatan angkatan WOW kami.*

*Dari sudut penyediaan makanan pula, usaha berterusan dijalankan dengan memfokus kepada penampilan semula Pizza Hut menjadi segmen makan kasual dan ia bukan terhad kepada sekadar meluaskan tawaran menu sahaja. Sehingga kini, 4 cawangan baru yang telah diperingkatkan imejnya dengan mengubah persekitaran makan kasual telah disiapkan dan pakaian seragam pasukan kerja telah direkabentuk semula untuk menggambarkan sebuah imej yang lebih kontemporari.*




# Review of Operations
(contd.)

## KFC MALAYSIA

KFC Malaysia achieved another successful year of growth, expansion and profitability. Revenue increased 8% over last year, from RM694.5 million in 2003, to RM750 million in 2004. The Division posted a profit before taxation of RM42.3 million compared with RM52.0 million the previous year, a drop attributable to higher costs of raw materials such as corn, soybean and fishmeal.

The total number of stores increased to 350 as of 31 December 2004, from 336 at the end of 2003. During the period, 15 new stores were opened, 3 were relocated, and 2 were closed. Twelve new outlets are planned for 2005. The Division continues to dominate the quick service restaurant sector with an impressive 50% market share.

The outbreak of avian flu in the region in February 2004 caused widespread public concern over the safety of chicken consumption, and adversely affected sales. In response, management launched a comprehensive, multi-pronged effort to educate and reassure the public about the safety of our products.

Over RM4.5 million was spent in advertising and public relations to restore consumer confidence. KFC also co-operated fully with the local media, organising press conferences, briefings and plant tours. By April, sales began to pick up, and the Division was able to successfully allay public concern and instill confidence in the safety of its products.

Five new menu items were launched during the year, which helped spur consumer demand. Tom Yam Crunch, Hot & Spicy Pocket Persia, and Satay Burger were introduced to appeal to local tastes, specifically a preference for more spicy flavours. Garden Salad was popular with more health-conscious customers, while Popcorn Chicken Shake appealed to teens and young adults.

Several successful promotions were launched during the year, starting with Twiin Bucket in January, which leveraged the ever-popular demand for both Original Recipe and Hot & Spicy flavours into one promotional bundle. Following the strong response to Twiin Bucket, the Mini Bucket Combo was reintroduced with a new design for the mini bucket tub, which customers were able to add to their collection.

Chicky Club marked its 10th anniversary in 2004. To celebrate this milestone, a membership pack was introduced with a new image themed Chicky Carnival. The pack contained a range of stationery that carried the characters of Chicky and Friends, food vouchers and a new membership card.

With a brand new look, Chicky and his friends—Ace the Nugget, Chippy the Fun Fries and Adora the Sundae Ice Cream—have triggered a rise in new memberships. "Chicky Carnival" was the main "Kids" event of the year. Held on 27 and 28 November at the Exhibition Centre, MidValley Megamall, the celebration welcomed over 20,000 visitors.



In 2005 the Division will continue to focus on differentiating its brand positioning with the introduction of innovative products and promotions. Training and human resources development will also feature prominently in our drive to constantly improved customer service standards as well as in enhancing staff performance and operational efficiencies. These strategies will create stronger synergies and provide a platform for growth in 2005.





**KFC MALAYSIA**

KFC Malaysia mencapai satu lagi tahun kejayaan mencatatkan pertumbuhan, pengembangan dan keuntungan. Hasil meningkat sebanyak 8% berbanding sebelumnya, iaitu daripada RM694.5 juta pada tahun 2003, kepada RM750 juta pada tahun 2004. Bahagian ini memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak RM42.3 juta berbanding RM52.0 juta pada tahun sebelumnya. Penyusutan ini disebabkan oleh kenaikan kos bahan mentah seperti jagung, kacang soya dan bahan berkaitan ikan.

Daripada sebanyak 336 cawangan pada akhir tahun 2003, bilangan cawangannya bertambah kepada 350, pada 31 Disember 2004. Sepanjang tempoh tersebut, 15 cawangan baru telah dibuka, 3 dipindah ke tempat baru dan 2 cawangan ditutup. 12 cawangan baru dirancang akan dibuka pada tahun 2005. Bahagian ini terus menguasai sektor restoran perkhidmatan segera dengan pertambahan bahagian pasaran sebanyak 50%.

Wabak selsema burung yang melanda rantau ini pada bulan Februari 2004 menyebabkan kebimbangan orang ramai secara meluas tentang keselamatan memakan daging ayam dan ini telah menjejaskan jualan dengan teruk. Sebagai tindak balas, pengurusan telah melancarkan usaha pelbagai serampang untuk mendidik dan memberi jaminan kepada orang ramai mengenai keselamatan produk kami.

Lebih RM4.5 juta telah dibelanjakan untuk pengiklanan dan perhubungan awam bagi mengembalikan keyakinan pengguna. KFC juga bekerjasama sepenuhnya dengan media tempatan melalui penganjuran persidangan, taklimat dan lawatan ke kilang. Menjelang bulan April, jualan mula meningkat semula, dan Bahagian ini berjaya memadamkan kebimbangan orang ramai serta memupuk keyakinan terhadap produknya.

Lima menu baru telah dilancarkan pada tahun ini yang telah membantu mendorong permintaan pengguna. Tom Yam Crunch, Hot & Spicy Pocket Persia dan Satay Burger telah diperkenalkan untuk menawan citarasa tempatan, secara khusus keutamaan untuk perisa yang lebih pedas. Garden Salad mendapat sambutan baik daripada para pelanggan yang mementingkan kesihatan, sementara Popcorn Chicken Shake menjadi kegemaran remaja dan orang dewasa muda.

Beberapa promosi berjaya dilaksanakan pada tahun ini, bermula dengan Twiin Bucket pada bulan Januari, yang memanfaatkan permintaan yang sentiasa popular untuk citarasa Original Recipe dan juga Hot & Spicy ke dalam tawaran kami. Berikutan tindak balas yang kukuh bagi Twiin Bucket, Mini Bucket Combo telah diperkenalkan semula dengan rekabentuk baru untuk mini bucket tab, yang membolehkan para pelanggan menambah koleksi mereka.

Chicky Club meraikan ulang tahun ke 10 pada 2004. Bagi merayakan pencapaian mercutanda ini, satu pek keahlian telah diperkenalkan dengan imej baru bertemakan Chicky Carnival. Pek ini mengandungi pelbagai jenis alat tulis yang menggambarkan karektor Chicky and Friends, baucar makanan dan sebuah kad keahlian baru.

Dengan jenama berwajah baru, Chicky and his friends—Ace the Nugget, Chippy the Fun Fries dan Adora the Sundae Ice Cream—telah mencetuskan lonjakan keahlian. "Chicky Carnival" merupakan sebuah acara utama untuk kanak-kanak bagi tahun ini. Acara yang berjaya menarik kehadiran lebih 20,000 pelawat ini telah berlangsung pada 27 dan 28 November di Pusat Pameran, MidValley Megamall.

Pada tahun 2005, Bahagian ini akan meneruskan fokusnya untuk membezakan penampilan jenamanya dengan pengenalan produk dan promosi yang inovatif. Latihan dan pembangunan sumber manusia juga akan diberikan penekanan utama dalam usaha kami untuk mempertingkatkan taraf perkhidmatan pelanggan secara berterusan dan juga untuk mempertingkatkan prestasi kakitangan serta kecekapan operasi. Strategi ini akan mewujudkan strategi yang lebih kukuh serta menyediakan platform untuk pertumbuhan pada tahun 2005.






# Review of Operations
(contd.)

**Awards**

KFC Malaysia was the proud recipient of a number of industry awards in 2004; notably winning several accolades from YUM! Restaurants International. These included:

- Best New Product Development 2004 (for Tom Yam Chicken)
- Restaurant Excellence 2004
- People Excellence 2004

The Division also garnered the coveted Anugerah Citra Iklan Akhbar Award 2004 given out by Dewan Bahasa dan Pustaka, as well as the Brand Equity Magazine Award 2003 for successfully positioning the brand as an exciting and innovative fast-food venue for families in Malaysia.

**KFC SINGAPORE**

2004 saw the continuation of the financial turnaround, which had begun the previous year. It achieved a turnover of RM245.7 million (S$109.1 million), up 7.8% or RM17.8 million (S$4.6 million) posted in 2003. Results no doubt would have been even more robust but for the avian flu outbreak in the region, which had a definite downward impact on sales activity and profitability.

The higher turnover was the result of aggressive marketing programmes and promotions, as well as reduced labour and operating costs and the closure of several under-performing outlets. 2004 saw the opening of 5 new restaurants, closure of 4, with 1 relocation, for a year-end total of 70 stores.



The promotional year began with a Reunion Family Feast for Chinese New Year. This value meal featured the signature COB, snacks and side dishes in a specially designed limited edition bucket.

To counter the repercussions of the bird flu outbreak, a Trust KFC campaign was launched utilising TVC, press and in-store communications to reassure consumers that KFC chicken was safe for consumption. Then in February Shrooms Burger debuted. Its delicious topping of mushrooms on a golden chicken patty, in a soft bun, at a "Wow" price – made it an instant hit.

The GoGo Sandwich, targeted at image and figure - conscious females, was launched in April. Its lighter soft flat bread, with more vegetables enveloping a crispy strip came in two variants – Peking for more local tastes, and Caesar, catering to more western palates.

The promotion which did the most to speed KFC's recovery was the launch of Extra Tasty and Crispy Chicken (ETC). This non-spicy but crispy COB variant was launched in conjunction with a free hand phone joint promotion with Siemens and M1 in June.



Singapura Satay Burger followed in July, incorporating a local flavour to commemorate Singapore's National Day celebrations, along with a Thai-inspired variant, Tom Yam Chicken that was added to the menu in Q4.

Further reinforcing KFC's recovery was the Ultimate Chicken Meal, launched with KFC's signature products – COB, Colonel Burger, Popcorn Chicken and Pepsi in a specially designed box.

Rounding out the last quarter of 2004, the Popcorn Shake, introduced in November, was an innovative variant of the popular Popcorn Chicken, offering two seasonings – Tom Yam and Garlic Pepper, and packaged in a distinctive shaker cup. It was made available in a Buddy Meal with COB. The promotion was augmented in December in tandem with a $3.95 2 pc COB meal, which together were instrumental in recording the highest monthly sales of the year at RM23.9 million (S$10.6 million), surpassing the first record sales in August.



### *Anugerah*

*Dalam 2004, KFC Malaysia berbangga dengan kemenangan anugerah-anugerah industri terulung terutama sekali anugerah yang disampaikan oleh YUM! Restaurants International:*

- *Perkembangan Produk Baru Terbaik 2004 (untuk Ayam Tom Yam)*
- *Restoran Cemerlang 2004*
- *Individu Cemerlang 2004*

*Selain itu, bahagian ini juga telah meraih Anugerah Citra Iklan Akhbar yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka serta Anugerah Majalah Ekuiti Jenama 2003 untuk kejayaan membentuk imej sebagai restoran makanan segera yang menarik dan inovatif untuk sekeluarga di Malaysia.*




### *KFC SINGAPURA*

*Pemulihan kewangan yang dimulakan pada tahun sebelumnya diteruskan pada tahun 2004. Ia mencapai perolehan sebanyak RM245.7 juta (S$109.1 juta, meningkat sebanyak 7.8% atau RM17.8 juta (S$4.6 juta) yang dicatatkan pada tahun 2003. Keputusan yang dicapai mungkin lebih cemerlang lagi sekiranya tidak berlaku wabak selsema burung di rantau ini yang sudah tentunya membawa kesan penyusutan kepada aktiviti jualan dan pencapaian keuntungan.*

*Peningkatan hasil ini adalah berikutan pelbagai program pemasaran dan promosi serta pengurangan kos buruh dan operasi serta penutupan yang tidak berprestasi. Sebanyak 15 buah restoran baru dibuka pada tahun 2004, 4 restoran ditutup, sebuah dipindahkan, menjadikan bilangan restoran yang ada sebanyak 70 buah pada akhir tahun.*

*Promosi pada tahun ini dimulakan dengan Reunion Family Feast bersempena dengan Tahun Baru Cina. Hidangan value meal ini dipaparkan dalam COB istimewa, snek serta hidangan sampingan bucket edisi terhad.*

*Bagi menangani kesan wabak selsema burung, kempen Yakin KFC dilancarkan menggunakan iklan televisyen, akhbar dan komunikasi dalam kedai bahawa ayam KFC adalah selamat untuk dimakan. Selepas itu, pada bulan Februari, Shrooms Burger telah diperkenalkan. Intinya yang enak daripada cendawan dalam isi daging ayam keemasan, dalam bun yang lembut, pada harga yang amat "menarik" menyebabkan ia mendapat sambutan yang sangat hebat.*

*GoGo Sandwich yang disasar kepada wanita yang mementingkan imej dan tokoh, telah dilancarkan pada bulan April. Rotinya yang rata, lembut dan ringan yang diisi dengan lebih banyak sayur membaluti kepingan ayam rangup dan ditawarkan dalam dua varian – Peking untuk memenuhi citarasa tempatan dan Caesar, yang memenuhi citarasa barat.*

*Promosi yang paling berkesan untuk mempercepatkan pemulihan KFC ialah pelancaran Extra Tasty and Crispy Chicken (ETC). Varian COB yang tidak pedas tetapi rangup ini telah dilancarkan bersempena dengan promosi bersama telefon bimbit percuma yang dianjurkan dengan Siemens dan M1 pada bulan Jun.*

*Ia diikuti dengan promosi Singapura Satay Burger pada bulan Julai yang disediakan mengikut perisa tempatan bersempena perayaan Hari Kemerdekaan Singapura bersama dengan varian inspirasi Thai iaitu, Tom Yam Chicken ditambah ke dalam menu tersebut pada Suku Tahun Keempat.*

*Ultimate Chicken Meal yang dilancarkan dengan produk utama – COB, Colonel Burger, Popcorn Chicken dan Pepsi dalam sebuah kotak yang direkabentuk khas, mengukuhkan lagi pemulihan KFC.*

*Promosi yang mengakhiri suku tahun terakhir 2004 ialah Popcorn Shake yang diperkenalkan pada bulan November. Ia merupakan sebuah varian inovatif dalam Popcorn Chicken yang popular, menawarkan bahan dua perasa – Tom Yam dan Lada Hitam Bawang Putih, dan dibungkus dalam cawan shaker yang luarbiasa rekabentuknya. Ia tersedia dalam Buddy Meal dengan COB. Promosi ini diperkukuhkan lagi pada bulan Disember berserta dengan Meal COB 2 keping berharga $3.95, yang turut bersama-sama menyumbang kepada peningkatan jualan bulanan paling tinggi bagi tahun ini iaitu sebanyak RM23.9 juta (S$10.6 juta), mengatasi rekod jualan pertama pada bulan Ogos.*



# Review of Operations
(contd.)

## AYAMAS DIVISION

### Retail

The Ayamas Division registered RM509.4 million in turnover in 2004, up 6.5% from last year's RM478.5 million. Ayamas realised a pre-tax profit of RM12.4 million, down from RM28.8 million in 2003, which was primarily due to higher costs for raw materials such as corn, soybean and fishmeal.

Kedai Ayamas, Malaysia's Number One branded poultry retail chain, registered RM80.5 million in turnover in 2004, compared to RM85.8 million in 2003, a decrease of 6.2%. The bird flu impact was a major contributing factor.

In 2004, Kedai Ayamas opened 3 new stores, expanding to 47 outlets with 4 new outlets planned for 2005. Ayamas Kiosk on the other hand retained its 14 outlets nationwide.

Kedai Ayamas launched several new products in 2004. Its frankfurter line added two new variants– Ayamas Premium Garlic Frankfurters and Ayamas Premium Italian Frankfurters. The latter is made from a unique blend of Italian herbs, while the former offers a totally different, delicious garlic flavour.



Also new– Frank 'N' Furter, caters to big appetites with its oversized chicken meat sausage.

To cater to local taste preferences, Kedai Ayamas launched Ayamas Spicy Siam, and later a spicy variant of its Ayamas Crispy Fried Chicken– the new Ayamas Lemon Grass Crispy Fried Chicken.

The Division also rolled out a new premium range called Ayamas Light Crust Premium Cut, available in Original or Hot & Spicy, and targeting discerning, health-conscious consumers with its skinless, thin breaded preparation.

Promotions included the Ayamas Golden Nuggets Extra 100gm Bonus Pack, which sparked an average monthly sales hike of 22% during the promotion over the same period the year before.

The brand continued to gain wider and more prominent exposure in Malaysian homes with the debut of a special cooking programme on TV3 hosted by celebrity Chef Wan. The show– "Emm...Sedapnya Bersama Ayamas, " which aired during the fasting month– featured 13 episodes and offered almost 30 recipes using 11 different Ayamas products.

Rasa Ayamas sales increased from RM11.78 million to RM15.3 million, up 30% compared with 2003. The chain added 6 new restaurants and closed 2 in 2004, bringing its total to 31, with 3 new stores slated for 2005.

New products included the Arabian Delight, a pita pocket stuffed with Black Pepper or Honey Prime Roast, and the Roaster Wrap, featuring crispy vegetables, creamy mayonnaise and Ayamas Roaster.






**BAHAGIAN AYAMAS**

**Runcit**

*Bahagian Ayamas mencatatkan perolehan sebanyak RM509.4 juta pada tahun 2004, meningkat sebanyak 6.5% berbanding perolehan tahun sebelumnya sebanyak RM478.5 juta. Ayamas menghasilkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM12.4 juta, susut daripada RM28.8 juta yang dicapai pada tahun 2003. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos bahan mentah seperti jagung, kacang soya dan bahan berkaitan ikan.*

*Kedai Ayamas, rangkaian runcit ayam Nombor Satu di Malaysia mencatatkan perolehan sebanyak RM80.5 pada tahun 2004, berbanding RM85.8 juta pada tahun 2003. Ini merupakan pengurangan sebanyak 6.2%. Kesan wabak selsema burung merupakan faktor utama kemerosotan pencapaian perolehan tersebut.*

*Pada tahun 2004, Kedai Ayamas telah membuka 3 kedai baru, meluaskan bilangan kedainya kepada 47 kedai dan 4 kedai baru dirancang akan dibuka pada tahun 2005. Sementara itu, Ayamas Kiosk mampu mengekalkan bilangannya sebanyak 14 buah kiosk di seluruh negara.*

*Kedai Ayamas telah melancarkan beberapa produk baru pada tahun 2004. Barisan produk frankfurter menambah dua varian baru– Ayamas Premium Garlic Frankfurters dan Ayamas Premium Italian Frankfurters. Ayamas Premium Italian Frankfurters diperbuat daripada adunan unik herba Itali, sementara Ayamas Premium Garlic Frankfurters menawarkan perisa bawang putih yang lazat dan benar-benar berbeza. Sebuah lagi produk baru iaitu Frank 'N' Furter, memenuhi keperluan mereka yang mempunyai selera makan yang besar kerana ia menyediakan sosej daging ayam yang lebih besar daripada saiz biasa.*

*Bagi memenuhi keutamaan citarasa tempatan, Kedai Ayamas telah melancarkan Ayamas Spicy Siam, dan selepas itu sebuah varian pedas bagi Ayamas Crispy Fried Chicken – Ayamas Lemon Grass Crispy Fried Chicken yang berperisa baru.*



*Bahagian ini juga telah melancarkan produk premium baru yang dikenali sebagai Ayamas Light Crust Premium Cut, ditawarkan dalam Original atau Hot & Spicy, dan disasarkan kepada para pengguna yang semakin bijak membuat pilihan dan mementingkan kesihatan kerana ia menyediakan ayam tanpa kulit dan roti yang nipis.*

*Promosi yang dijalan meliputi Ayamas Golden Nuggets Extra 100gm Bonus Pack, yang berjaya mencetuskan kenaikan jualan bulanan purata sebanyak 22% semasa promosi ini dijalankan berbanding sepanjang tempoh yang sama tahun sebelumnya.*

*Jenama ini terus menikmati pendedahan yang bertambah luas dan menyerlah di kalangan penduduk Malaysia berikutan pengenalan program masakan istimewa di TV3 yang dihoskan oleh selebriti Chef Wan. Program bertajuk – "Emm...Sedapnya Bersama Ayamas", yang disiarkan sepanjang bulan puasa memaparkan 13 episod dan menawarkan hampir 30 resipi menggunakan 11 produk Ayamas yang berbeza.*

*Jualan Rasa Ayamas meningkat daripada RM11.78 juta kepada RM15.3 juta, meningkat sebanyak 30% berbanding pencapaian pada tahun 2003. Rangkaian ini telah menambah sebanyak 6 restoran baru dan menutup 2 restoran pada tahun 2004, menjadikan bilangan restorannya sebanyak 31, dan 3 restoran baru dirancang akan dibuka pada tahun 2005.*

*Produk baru yang diperkenalkan termasuk Arabian Delights, sejenis pita pocket yang diisi dengan Black Pepper atau Honey Prime Roast dan Roaster Wrap, berserta sayur rangup, mayonnaise berkrim dan Ayamas Roaster.*




# Review of Operations
(contd.)

## Human Resources

With over 22,000 employees, QSR Group is one of the largest employers in the Malaysian food sector. This number will certainly grow as the Group continues to add on more restaurants and outlets amongst its three core divisions. Therefore, the importance of human resource development, from recruitment and training to employee-centered initiatives cannot be overstated.

QSR has instituted a comprehensive range of programmes aimed at enhancing employee skills, improving operational and organizational structures, and providing motivational tools as well as incentives to foster dedication, initiative, teamwork, and esprit de corps.

Human Resources development programmes included both technical as well as supervisory and management skills enhancement. Technical areas covered ranged from food preparation and food hygiene, to customer service and IT courses.

In Singapore, 2004 saw the renewal of the People Developer Standard status for the period 1 April 2003 to 31 March 2006. The PD Award is a mark of distinction and a quality standard that gives recognition to organizations that invest in their people and have a comprehensive system for developing their staff.

The Company successfully filled 3,383 training places out of 4508 places planned for year 2004, or nearly 75%. This is equivalent to 0.77 training place per employee, inclusive of part-time staff. Furthermore, Training Needs Analysis was incorporated into the Company's Performance Appraisal System for closer linkage of performance-related training needs.

## Community Relations

On 3 November 2004, Pizza Hut Malaysia earned itself a place in the record books. To commemorate the holy month of Ramadhan, Pizza Hut organised a special Buka Puasa Delivery Drive, which delivered 1,600 free pizzas to 100 orphanages and old folks homes nationwide, providing meals for over 6,000 people. The event covered orphanages and senior citizens' facilities in all 15 states, and was completed in an incredible 2 hours – between 4:30pm and 6:30pm. Officials from the Malaysia Book of Records were on hand to evaluate and certify the exercise as the largest single pizza delivery ever undertaken in Malaysia!




To impart some added joy for Mother's Day, KFC presented mothers and children at University Malaya Medical Centre's Pediatric Ward in Petaling Jaya with cake, chocolates, flowers, blankets, Thermos mugs and Mother's Day cards. In addition, patients received a newly refurbished Playland with new play structures.

June 2004 saw KFC Malaysia donating RM320, 000 worth of books to the Ministry of Education for distribution to primary schools in the country. The handover of 30,000 books was officiated by Director General of Education, Malaysia.

KFCH sponsored the International Children's Day 2004 (ICD) celebrations at the Dewan Millennium, Kepala Batas, Penang on 9 October. This marked the thirteenth year the Group has had the privilege of being the main sponsor of this national event. Themed "Love your children—they will inherit our country's prosperity", the celebration was organised by the Ministry of Women, Family and Community Development.

More than 4,300 children took part, including the physically disadvantaged and those from underprivileged backgrounds, from all 15 states and Federal Territories in Malaysia. The Governor of Penang, Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abas, officiated the event.






**Sumber Manusia**

Kumpulan QSR yang mempunyai 22,000 orang kakitangan merupakan salah sebuah majikan terbesar dalam sektor makanan Malaysia. Bilangan ini sudah tentu akan meningkat apabila Kumpulan menambah bilangan restoran dan salurannya untuk ketiga-tiga bahagian terasnya. Oleh sebab itu, kepentingan pembangunan sumber manusia yang meliputi pengambilan dan latihan hinggalah kepada pelbagai usaha memajukan kakitangan tidak boleh diperkecilkan.

QSR memasukkan pelbagai program menyeluruh yang bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran, memperbaiki struktur operasi dan organisasi serta menyediakan alat motivasi serta pelbagai insentif untuk memupuk dedikasi, inisiatif semangat kerja berpasukan dan semangat keakraban.

Program pembangunan Sumber Manusia meliputi peningkatan kemahiran teknikal serta penyeliaan dan pengurusan. Bidang-bidang teknikal yang diliputi termasuk daripada penyediaan makanan dan kebersihan makanan hinggalah kepada perkhidmatan pelanggan dan kursus IT.

Sementara di Singapura, Status People Developer Standard telah diperbaharui pada tahun 2004 untuk tempoh 1 April 2003 hingga 31 Mac 2006. Anugerah PD ini melambangkan kecemerlangan piawaian kualiti yang memberi pengiktirafan kepada organisasi yang menyalur pelaburan untuk tenaga manusia mereka serta mempunyai sistem yang menyeluruh untuk membangunkan kakitangan mereka.

Syarikat berjaya memenuhi 3,383 tempat latihan daripada 4,508 tempat yang dirancang bagi tahun 2004, atau hampir 75%. Ini adalah bersamaan dengan 0.77 tempat latihan bagi setiap kakitangan, termasuk kakitangan separuh masa. Di samping itu, Analisis Keperluan Latihan telah dimasukkan ke dalam Sistem Penilaian Prestasi Syarikat bagi mencapai rantaian yang lebih rapat dengan keperluan latihan berkaitan prestasi.

**Hubungan Kemasyarakatan**

Pada 3 November 2004, Pizza Hut Malaysia telah menjalankan kerja amal yang telah memasukkan namanya ke dalam buku rekod pencapaian. Bersempena bulan Ramadhan yang mulia, Pizza Hut telah mengendalikan Penghantaran Khas Buka Puasa yang melibatkan penghantaran sebanyak 1,600 piza percuma ke 100 buah rumah anak-anak yatim dan orang-orang tua di seluruh negara, iaitu satu usaha yang menyediakan makanan kepada 6,000 orang insan.

Acara amal ini dilakukan di semua 15 buah negeri dan diselesaikan dalam tempoh 2 jam, iaitu antara pukul 4:30 hingga 6:30 petang. Para pegawai dari Malaysia Book of Records telah menilai dan mengesahkan pencapaian ini sebagai satu-satunya penghantaran piza yang terbesar pernah dilakukan di Malaysia!

Bagi berkongsi kegembiraan sempena Hari Ibu, KFC telah menceriakan para ibu dan kanak-kanak di Wad Pediatrik Pusat Perubatan Universiti Malaya di Petaling Jaya dengan menyampaikan kek, coklat, bunga, selimut, kole dan kad Hari Ibu. Di samping itu, para pesakit telah menerima Playland baru yang diubahsuai dengan struktur permainan baru.

Pada bulan Jun 2004, KFC Malaysia telah menyampaikan derma buku bernilai RM320,000 kepada Kementerian Pelajaran untuk diedarkan ke beberapa sekolah rendah di negara ini. Penyampaian 30,000 buah buku itu telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Malaysia.

KFCH menaja perayaan Hari Kanak-kanak Antarabangsa (ICD) 2004 di Dewan Millennium, Kepala Batas, Pulau Pinang pada 9 Oktober. Ia merupakan tajaan tahun ketiga belas bagi Kumpulan yang merupakan satu kebanggaan kerana menjadi penaja utama sebuah acara peringkat kebangsaan ini. Perayaan bertema "Sayangilah anak-anak anda — mereka akan mewarisi kemakmuran negara kita", adalah anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Lebih 4,300 kanak-kanak mengambil bahagian, termasuk mereka yang cacat anggota dan kurang bernasib baik dari kesemua 15 negeri dan Wilayah Persekutuan Malaysia. Gabenor Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abas, telah merasmikan acara tersebut.






# Review of Operations
(contd.)

On 1, November, over 120 orphans were the guests of Their Majesties, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin ibni-Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail and the DYYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Rashid to break fast at Balai Seri Rong, Istana Negara. KFC was on hand to provide a finger-lickin' good meal with its signature dish: KFC OR, accompanied with butter buns, whipped potato, coleslaw and chick-a-cheese.

KFC's "Projek Penyayang" community outreach programme celebrates its tenth anniversary in 2005. The programme adopts orphans from various homes and institutions, and provides them with "finger-lickin' good" meals every quarter of the year. In 2004, the number of participating organisations under the programme increased to 80, from 66 the year before. Over RM100,000 was spent during the year, which reached more than 7,000 orphans throughout the country.

In June 2004, Ayamas conducted a Spicy Siam Roaster Lunch for 40 orphans living at Rumah Keluarga Kami in Kajang. The event also included a drawing and colouring competition, magic show, lucky draw games, and – perhaps the highlight for the orphans– Operation and Sales Ayamas' Vice President of Marketing, Encik Abdul Aziz Isa, gave away T-shirts, caps, stationery sets, cookies and also made a contribution of RM5,000.

Ayamas also helped raise RM88,000 to buy books and other reading material for schools in Subang Jaya. The effort was undertaken in cooperation with the Subang Teachers Resource Centre. The project, named "Happy Reading Programme with Ayamas," supplied RM5 denomination sales vouchers to 200 area schools in a "buy and donate" scheme. For every voucher sold by the schools, RM1 would go into a special fund to buy the reading material.

Across the Tebrau strait, KFC Singapore also had its share of community works. Following KFC's opening of the first restaurant with hearing-impaired personnel – Toa Payoh Express in 2003 – KFC became the Ambassador for the Deaf in Singapore. KFC also participated in the International Day of the Deaf in September, which saw several KFC staff taking part in the island-wide Tic-Tac-Toe and Walkathon.

As the country's longest running children's show, KFC Hour on TV3 remained as one of the top 5 most popular programmes among children. Its distinctive content is much appreciated by parents and children as it combines fun, education and entertainment.

Cheryl Samad, a popular host, well liked among the younger generation, had also joined the Chicky Hour to lead the programme with Intan Khairani.

Another exciting addition was a virtual 3D animated set that now decorates Chicky Hour's studio, replacing the old 2D background. The new set is more vibrant and colourful with additional furnishings and decorations.

**Syariah Advisory Council**

The Syariah Advisory Council (SAC) acts as an advisory body to QSR on all religious matters relating to its food business and other operations. Set up in 1996, members of the SAC are distinguished and prominent religious scholars from Islamic institutions.

By maintaining a close rapport with the various religious departments, councils and bodies, as well as conducting regular inspections on the various plant and operation outlets, the SAC ensures that all QSR outlets comply with the halal requirements of Islamic Law in general and in particular Malaysian Government regulations.

The SAC held 3 ordinary meetings and 2 extra ordinary meetings pertaining to the visit of DYMM Yang Dipertuan Agong to Ayamas. During the year, the SAC had successfully formulated the Halalan Toiyyiba for Ayamas and delivered 20 slots of 2-hour lectures at its training centre.



Pada 1 November, lebih 120 orang anak-anak yatim telah menjadi tetamu DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin ibni-Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Rashid untuk berbuka puasa di Balai Seri Rong, Istana Negara. KFC turut serta menyediakan hidangan sedap sehingga menjilat jari bersama hidangan utama: KFC OR, disertai dengan ban mentaga, kentang putar, coleslaw dan Chick-a-Cheese.

"Projek Penyayang" KFC iaitu program kebajikan kemasyarakatan meraikan ulang tahunnya yang ke sepuluh pada tahun 2005. Program ini mengambil anak-anak yatim dari beberapa rumah dan institusi anak yatim sebagai anak angkat dan menghidangkan kepada mereka hidangan "sedap sehingga menjilat jari" setiap suku tahun. Pada 2004, bilangan oraganisasi yang mengambil bahagian di bawah program ini telah bertambah daripada 66 pada tahun sebelumnya kepada 80. Lebih RM100,000 telah dibelanjakan pada tahun ini, yang memanfaatkan lebih 7,000 orang anak-anak yatim di seluruh negara.

Pada bulan Jun 2004, Ayamas mengadakan majlis Makan Tengahari Spicy Siam Roaster untuk 40 orang anak-anak yatim Rumah Keluarga Kami di Kajang. Acara ini juga menyelitkan pertandingan melukis dan mewarna, pertunjukan silap mata, permainan cabutan bertuah, acara kemuncak bagi anak-anak yatim tersebut ialah penyampaian kemeja T, topi, set alat tulis, makanan ringan dan sumbangan RM5,000 oleh Encik Abdul Aziz Isa, Naib Presiden Pemasaran, Operasi dan Jualan Ayamas.

Ayamas juga membantu mengutip RM88,000 untuk membeli buku dan bahan bacaan lain untuk beberapa sekolah di Subang Jaya. Usaha ini dijalankan dengan kerjasama Pusat Sumber Guru-guru Subang. Projek yang dikenali sebagai "Seronok Membaca Bersama Ayamas", ini membekal baucar jualan bernilai RM5 kepada 200 sekolah kawasan dalam skim "beli dan derma". Bagi setiap baucar yang dijual oleh sekolah-sekolah tersebut, RM1 akan dimasukkan ke dalam tabung khas untuk membeli bahan bacaan tersebut.




Di seberang Selat Tebrau, KFC Singapura tidak ketinggalan menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Berikutan pembukaan restoran pertama KFC yang dikendalikan oleh kakitangan yang cacat pendengaran di Toa Payoh Express pada tahun 2003, KFC menjadi Duta bagi Orang-orang Cacat di Singapura. KFC juga mengambil bahagian dalam Hari Antarabangsa Orang-orang Pekak pada bulan September, yang menyaksikan beberapa kakitangan KFC mengambil bahagian dalam acara Tic-Tac-Toe dan Walkathon di seluruh pulau ini.

Sebagai program kanak-kanak yang paling lama berkekalan di negara ini, KFC Hour di TV3 kekal sebagai salah sebuah daripada 5 program paling popular di kalangan kanak-kanak Kandungannya yang istimewa dihargai kedua-dua kanak-kanak dan juga ibu bapa mereka kerana ia menggabungkan keseronokan, pendidikan dan hiburan.

Cheryl Samad, seorang hos popular yang disukai oleh generasi muda telah menyertai Chicky Hour sebagai peneraju siaran ini bersama Intan Khairani.

Satu lagi pembaharuan menarik yang diperkenalkan ialah set animasi maya 3D yang kini menghiasi studio Chicky Hour bagi menggantikan latar 2D lama. Set baru ini kelihatan lebih menceriakan dan berwarna-warni, diserikan oleh kelengkapan dan hiasan tambahan

### Majlis Penasihat Syariah

Majlis Penasihat Syariah (MPS) bertindak sebagai badan penasihat QSR bagi semua perkara keagamaan berkaitan perniagaan makanannya serta pelbagai operasi lain. MPS yang ditubuhkan pada tahun 1996 diwakili oleh para ahli yang terdiri daripada ilmuan agama Islam terkenal dan berpengetahuan luas dari beberapa institusi Islam.

Melalui hubungan erat yang dipupuk dengan pelbagai jabatan, majlis dan badan agama Islam, serta usaha mengendalikan pemeriksaan secara berkala di beberapa loji dan saluran operasi, MPS memastikan supaya semua saluran QSR mematuhi keperluan halal yang ditetapkan oleh Undang-undang Islam secara umum dan secara khusus peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

MPS telah mengadakan 3 mesyuarat biasa dan 2 mesyuarat biasa tambahan berhubung dengan lawatan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke Ayamas. Pada tahun ini, MPS berjaya merumuskan Halalan Toiyyiba untuk Ayamas serta menyampaikan 20 ceramah yang setiap satu mengambil masa 2 jam di pusat latihannya.


7,560
4,390
10,700
7,560
4,390
10,700
6,490
17,100